BAB KEDUA

PENTADBIRAN ZAKAT MENURUT ISLAM

Zakat merupakan istilah yang amat sinonim di kalangan umat Islam. Lebih-lebih lagi apabila ia difahami sebagai salah satu daripada rukun Islam. Tetapi situasi ini tidak bermakna bahawa persoalan tentang zakat telahpun difahami dengan jelas dan menyeluruh, khususnya berkait soal pengurusan dan pentadbirannya yang berkesan.

Pada hari ini, tahap urusan tadbiran institusi zakat di negara kita masih belum banyak berubah walaupun tidak dinafikan beberapa buah negeri telah dan mula beranjak ke arah sistem pengurusan yang lebih konsisten dan realistik.

Para era kepimpinan Rasul Allah (s.ᶜa.w), urusan zakat telah berjaya ditadbirkan dengan amat baik dan tersusun. Zakat yang merupakan sumber utama perbendaharaan negara telah benar-benar berperanan sebagai aset pembangunan ummah. Organisasi yang ditubuhkan untuk menguruskan zakat bertindak sebagai media penyalur rangsangan tema *'baldatun ṭayyibatun wa rabbun ghafur'* yang melandasi pembentukan negara Islam.

2.1.1 PEMAHAMAN UMAT ISLAM TENTANG ZAKAT

Al-Quran telah merakamkan sebutan *al-zakat* sebanyak 58 kali iaitu 32 disebut bersendirian dan 26 kali beriringan dengan perkataan *al-solat*.[1] Ia merangkumi zakat wajib dan sunat. Zakat juga disebut sebagai *al-sadaqah, al-nafaqah, al-ᶜafw dan al-ḥaq*.[2]

Dari segi bahasa, zakat diertikan sebagai berkembang (*al-namā'*), suci (*al-ṭahārah*) dan berkat (*al-barakah*)[3]. Di dalam al-Quran, kewajipan zakat diulangi sebutannya oleh Allah (s.w.t) di dalam berbagai-bagai istilah antaranya dengan menyebut kalimah *ṣadaqah*[4] (secara lafaz *mufrad* – tunggal), *ṣadaqat*[5] (lafaz *jamaᶜ* – berbilang-bilang), *taṣaddaqa*[6] (lafaz *fiᶜl* – kata kerja), *al-ḥaq*[7] (lafaz *ism* – kata nama), *al-naṣib*[8], *al-khayr,*[9] *infaq*[10] (lafaz *maṣdar* – kata terbitan), *al-qard al-ḥasan*[11], *al-maghfirah* [12]dan *al-ᶜafw*.[13]

Zakat disyariatkan secara berperingkat-peringkat[14] yang diwarisi daripada syariat nabi-nabi terdahulu sebelum Nabi Muhammad (s.ᶜa.w) malah al-Quran sendiri mencatatkan penggunaan perkataan zakat sejak zaman sebelum kelahiran baginda.[15]

Ulama kontemporari Yusuf al-Qaradāwi menyebut masih terlalu awal untuk menyimpulkan bahawa zakat disyariatkan di Kota Makkah memandangkan terdapat catatan sejarah bahawa zakat disyariatkan di Madinah pada tahun kedua Hijrah. Sedangkan banyak terdapat ayat-ayat *Makkī* yang menyebut tentang zakat samada secara langsung atau sebaliknya.[16]

Hakikatnya zakat pada era Makkah lebih berbentuk konseptual berbanding pensyariatannya di Madinah secara praktikal yang memerlukan mekanisme pengurusan yang berstruktur. Era Makkah mengandungi unsur-unsur *tazkiyyah* (penyucian diri) ke arah merapatkan hubungan kemanusiaan dan mengukuhkan persaudaraan.[17]

2.1.1 ERA MAKKAH

Sebelum Nabi Muhammad (s^{c}a.w) diutuskan menjadi Rasul, sistem yang menyamai zakat telahpun diperkenalkan oleh agama-agama yang wujud ketika itu samada agama budaya atau langit.[18] Di dalam al-Quran tercatat pelaksanaan sistem zakat oleh nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w, misalnya Nabi Ya^{c}qūb[19], Nabi Ismā^{c}īl,[20] dan Nabi ^{c}Īsa.[21]

Islam memberikan perhatian yang besar terhadap masalah kemiskinan kerana ia membelenggu kehidupan serta boleh menghalang pencapaian iman. Sebab itu, al-Quran banyak menyentuh soal harta samada cara-cara untuk memperolehi atau membelanjakannya. Zakat merupakan jawapan yang tepat kepada persoalan ini.

Ayat-ayat era Makkah banyak mengutarakan persoalan tanggungjawab kemasyarakatan misalnya galakan membantu golongan fakir miskin, gesaan untuk menyumbang ke arah kebajikan, hak-hak golongan yang melarat dan seumpamanya. Situasi ini bertujuan untuk melahirkan sensitiviti golongan berada untuk menolong dan membantu kalangan mereka yang miskin sekaligus menyedarkan mereka tentang tanggungjawab terhadap harta.

Surah *al-Muddathir* iaitu antara wahyu yang paling awal diturunkan[22] menyentuh tanggungjawab memberikan makanan kepada golongan miskin. Firman Allah (s.w.t) yang bermaksud:

> *'Dan kami tidak pernah* ***memberi makan*** *orang miskin'*
>
> ***(Muddathir: 44)*** [23]

Ayat surah *al-Maᶜārij* pula menyinggung hak orang yang meminta-minta dan golongan fakir miskin, sebagaimana firman Allah (s.w.t)yang bermaksud:

> *'Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya,* ***menjadi hak yang termaklum*** *– Bagi orang miskin yang meminta-minta dan orang miskin yang menahan diri (dari meminta)'*
>
> ***(Al-Maᶜārij:24-25)***

Lebih jauh dari itu, ayat-ayat al-Quran di era ini juga menjelaskan hak terhadap hasil pertanian.[24] Dalam surah ***al-Anᶜām*** (yang diturunkan di peringkat akhir era Makkah) Allah (s.w.t) berfirman, maksudnya:

> *'Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar (tanamannya) dan yang tidak menjalar, dan pohon-pohon tamar (khurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya dan buah zaitun dan delima yang bersamaan (warna dan daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buah-buahan ketika ia berbuah dan* ***keluarkanlah haknya (zakatnya)*** *pada hari memetik atau menuainya dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa jua yang kamu makan atau belanjakan). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampau-lampau'.*
>
> ***(Al-Anᶜām: 141)***

Dalam surah *al-Rūm*[25] pula Allah (s.w.t) mengutarakan tanggungjawab kepada kaum kerabat, golongan miskin dan perjuangan *fī sabīlillāh*. Juga menjelaskan tentang keburukan amalan riba yang menghapuskan keberkatan harta berbanding sistem zakat yang bertujuan menambah keberkatannya.[26]

2.1.2 ERA MADINAH

Pensyariatan zakat di Madinah melangkah ke tahap praktikal di mana unsur-unsur *niṣāb*, kadar dan jenis-jenis harta diperjelaskan. Ia berkembang daripada hak individu kepada tuntutan bermasyarakat selaras dengan perkembangan Islam yang sudah mempunyai kekuatan dan kuasa pemerintahan di Madinah.

Perkembangan pesat dunia Islam ketika itu mendesak diwujudkan mekanisme pengurusan zakat yang bersistematik dan tersusun. Keadaan ini menjadi semakin ketara apabila pada tahun kedua Hijrah, telah ditentukan kadar dan jenis-jenis harta yang dikenakan zakat secara *tafsīl*.[27] Mulai tarikh ini, keengganan membayar zakat merupakan suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh pemerintah.[28]

Pada era Madinah seruan zakat berkembang selaras dengan perkembangan dakwah yang semakin pesat di mana perintah berzakat datang beriringan dengan kewajipan solat. Situasi ini menuntut pelaksanaan sistem zakat yang bertolak daripada kesedaran dan tanggungjawab keimanan bagi merealisasikan penyusunan sebuah masyarakat adil yang harmonis dan dedikasi.

Ketika ini, banyak sekali ayat-ayat al-Quran yang menerangkan kewajipan berzakat diiringi dengan perintah mendirikan solat, misalnya firman Allah (s.w.t) yang bermaksud:

`Dan dirikanlah sembahyang dan ***tunaikan zakat****'*

(Al-Baqarah: 110)

Di dalam menghuraikan ayat di atas, ᶜAbd. Allāh bin Masᶜūd, ᶜAli bin Abī Ṭālib, ᶜAbd Allāh bin ᶜUmar dan Ibn Majah meriwayatkan *ḥadīth* daripada Rasul Allah (s.ᶜa.w), yang bermaksud:

> *`Tidak sempurna solat seseorang yang tidak* ***membayar zakat*** *dan tidak juga sempurna* ***zakat*** *seseorang yang tidak menunaikan solat'.* [29]

Al-Qaraḍāwi menyifatkan surah *al-Tawbah* sebagai contoh *al-Quran al-Madanī* yang banyak memperihalkan tentang zakat, antaranya firman Allah (s.w.t) yang bermaksud:

> *'Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta* ***memberi zakat****, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah amat Pengampun dan amat mengasihani'.*
>
> ***(Al-Tawbah: 5)***

Begitu juga ayat kesebelas surah di atas yang bermaksud:

> *'Oleh itu itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran) dan mendirikan sembahyang serta* ***menunaikan zakat****, maka mereka itu adalah saudara-saudara kamu yang seagama'.*
>
> ***(Al-Tawbah: 11)***[30]

Selain keterangan tentang kadar, *niṣāb*, jenis-jenis harta serta golongan yang berhak menerima zakat, dalil-dalil Syarak pada era Madinah juga menjelaskan dosa dan ancaman terhadap golongan yang mengabaikan seruan berzakat. Di samping memuji dan menyanjung tinggi mereka yang mematuhi perintah zakat dengan janji keberkatan dan keredaan daripada Allah (s.w.t).[31]

Pendalilan zakat di era ini banyak diperjelaskan oleh Sunnah Nabi (s.ᶜa.w). Misalnya riwayat Ibn ᶜAbbās ketika Rasul Allah (s.ᶜa.w) mengutuskan Muᶜādh ibn Jabal ke Yaman. Sabda Rasul Allah (s.ᶜa.w) yang bermaksud:

> *`Seru mereka mentauhidkan Allah s.w.t dan mengakui nabi Muhammad (s.ᶜa.w), jika mereka menerimanya, beritahu mereka: Sesungguhnya Allah memfardukan sembahyang lima waktu sehali semalam, jika mereka menerimanya, sampaikan kepada mereka bahawa Allah telah* ***mewajibkan zakat*** *kepada harta benda mereka yang dipungut dari orang-orang kaya kemudian dibahagikan kepada orang-orang miskin di kalangan mereka'.*[32]

Abū Hurayrah meriwayatkan sebuah *ḥadīth* menceritakan tentang tindakan Khalifah Abū Bakr memerangi golongan yang ingkar membayar zakat sebaik kewafatan Nabi (s.ᶜa.w), kata Abū Bakr, maksudnya:

> *`.... Demi Allah aku tetap memerangi sesiapa sahaja yang membezakan antara sembahyang dan* ***zakat*** *kerana* ***zakat*** *merupakan hak harta. Demi Allah jika mereka mencegahku* ***menarik unta-unta (zakat)*** *yang biasa mereka bayarkan kepada Rasul Allah, pasti aku perangi mereka ...* [33]

Ḥadīth daripada Abū Ayūb pula menjelaskan amalan-amalan yang boleh menjamin masuk Syurga. Sabda Rasul Allah (s.ᶜa.w) yang bermaksud:

'Hendaklah kamu menyembah Allah s.w.t dan tidak mensyirikkanNya, dirikanlah sembahyang, ***tunaikan zakat*** *dan perkukuhkan persaudaraan'*[34]

2.2 PENTADBIRAN ZAKAT DI AWAL PEMERINTAHAN ISLAM

Selepas tahun kedua Hijrah, urusan zakat merupakan agenda negara yang mesti dipikul sebagai suatu amanah besar untuk memakmurkan kehidupan. Oleh itu, mekanisme pengurusan perlu diwujudkan agar hak dan tanggungjawab semua pihak terjamin.

2.2.1 ZAMAN RASUL ALLAH (s.ᶜa.w)

Setelah berjaya menubuhkan sebuah negara yang berasaskan aqidah, Rasul Allāh (s.ᶜa.w) berusaha keras untuk menyusun kehidupan bermasyarakat ke arah kesejahteraan dan penyatuan.

Institusi zakat menjadi media untuk menyatukan masyarakat melalui ikatan kehartaan. Untuk itu, baginda telah membentuk organisasi pengurusan institusi berkenaan sebagai mekanisme penting melaksanakan pentadbirannya.

Rasul Allāh (s.ᶜa.w) telah melantik ramai sahabat sebagai pegawai petugas zakat dan ada di antara mereka yang ditempatkan bertugas di wilayah-wilayah baru Islam. Tugas mereka ialah memungut zakat daripada golongan kaya di kalangan mereka dengan kadar yang ditentukan kemudian diagihkan kepada orang-orang yang berhak.[35]

Golongan fakir miskin diberikan keutamaan oleh Rasul Allāh (sᶜa.w). Ini jelas dapat dilihat daripada perintahnya kepada Muᶜādh ibn Jabal ketika diutuskan ke negeri Yaman. Sabda baginda yang yang bermaksud:

> *'Sampaikan kepada mereka bahawa Allah telah* ***mewajibkan zakat*** *kepada harta benda mereka yang dipungut dari orang-orang kaya kemudian dibahagikan kepada orang-orang miskin di kalangan mereka'.* [36]

Dari segi pengurusan, Rasul Allāh (s.ᶜa.w) telah mewujudkan pembahagian tugas berdasarkan bidang masing-masing. Bilāl bin Rabah misalnya ditugaskan untuk menjaga dan mengagihkan harta zakat manakala al-Zubaīr bin al-ᶜAwwām dan al-Jahm bin al-Sult sebagai pendaftar dan juruaudit terhadap harta-harta yang telah dikumpulkan.[37] ᶜUttab bin Usayd pula pernah dilantik sebagai pengurus zakat di Kota Makkah.[38]

Dalam pada itu, usaha menjana dan menguruskan kewangan negara mendapat sokongan dan bantuan berterusan daripada para sahabat yang berjiwa dermawan, misalnya ᶜUthmān bin al-ᶜAffān mendermakan sebanyak seribu *dinār* untuk membiayai Perang Tabuk.[39] ᶜAbd al-Rahmān bin ᶜAwf mendermakan empat ribu *dirham* dan ᶜAsim bin ᶜĀdi sebanyak seratus *wusūq*.[40]

2.2.2 ZAMAN *KHULAFA' AL-RASYIDIN*

Selepas kewafatan Rasul Allah (s.ᶜa.w) pada tahun kesepuluh Hijrah, pemerintahan negara diteruskan oleh *Khulafā' al-Rāsyidīn* iaitu Abū Bakr al-Ṣiddīq (m. 13H), ᶜUmar bin al-Khattāb (m. 23H), ᶜUthmān bin al-ᶜAffān (m. 35H) dan ᶜAli bin Abī Ṭālib (m. 40H).

Keempat-empat sahabat besar Rasul Allāh (s.ᶜa.w) ini merupakan pemimpin terulung selepas baginda.[41] Polisi yang dijalankan oleh Rasul Allāh (s.ᶜa.w) diteruskan malahan struktur dan bidang tugas diperluaskan sesuai dengan perkembangan negara.

Pentadbiran institusi zakat dijalankan lebih mantap dan mempunyai ciri-ciri dinamik, progresif dan relevan dengan kesemasaan tempat dan waktu. Polisi

A5106934 95

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

yang selaras dengan perkembangan pesat negara daripada pelbagai aspek ini telah berjaya memperkukuhkan ekonomi negara khususnya kemasukan sumber zakat daripada berbagai-bagai sumber.[42]

a) Khalifah Abu Bakr al-Siddiq (11-13 M)

Beliau merupakan seorang tokoh perniagaan yang amat berjaya sebelum Islam, mempunyai keperibadian yang unggul dan dihormati ramai. Justeru itulah Abu Bakr menerima beberapa penghormatan daripada masyarakatnya seperti gelaran *ᶜAbd al-Kaᶜbah, al-ᶜAtīq* dan *al-Ṣiddīq*.[43]

Nama asal beliau ialah ᶜAbd Allāh bin ᶜUthmān bin ᶜAmīr bin ᶜAmr bin Kaᶜab bin Saᶜd bin Tayim bin Murrah al-Tamimi, dilahirkan di Makkah dua tahun selepas Tahun Gajah.[44]

Abu Bakr dilantik menjadi khalifah selepas kewafatan Rasul Allah (s.ᶜa.w) dalam persidangan *Baiᶜah al-Saqīfah* yang dihadiri oleh para sahabat besar kecuali Syaidina ᶜAli bin Abī Ṭālib dan Syaidatina Fatīmah kerana menguruskan jenazah Rasul Allāh (s.ᶜa.w). Syaidina ᶜUmar memulakan *baiᶜah* terhadap Abū

Bakr berdasarkan bahawa Rasul Allāh (s.ᶜa.w) pernah meminta Abū Bakr menggantikan baginda untuk mengimamkan sembahyang ketika nabi sakit.[45]

Khalifah pertama ini mengetuai negara tidak sampai dua tahun. Beliau terkenal sebagai seorang yang *waraᶜ*, sabar, tegas dan berani.[46]

Tempoh pemerintahan yang pendek tidak memungkinkan banyak perubahan dasar dan polisi dapat dilakukan lebih-lebih lagi sebaik kewafatan Rasul Allāh (s.ᶜa.w) berlaku beberapa insiden pemberontakan yang menggugat keselamatan dan kestabilan negara. Prioriti yang diambil oleh Abū Bakr ialah mengembalikan ketenteraman negara sebelum melicinkan jentera pentadbiran.

Antara gerakan yang mengancam keselamatan negara ialah lahir golongan murtad, fanatik kesukuan (*ᶜaṣabiyyah*), ajaran sesat (menafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut hawa nafsu) dan enggan membayar zakat (*mānicᶜ al-zakāt*).[47]

Musaylamah al-Kadhdhab mengepalai *Bani Hunaifah* dan *kumpulan al-Aswād al-ᶜUnsā* bersekutu dengan satu golongan di negeri Yaman melancarkan penentangan terhadap kerajaan serta mencabar institusi zakat.[48] Musaylamah turut mendakwa sebagai nabi. Sebenarnya sikap penentangan beliau terhadap

Islam telah bermula di zaman Rasul Allāh (s.ᶜa.w) dan dia bersikap lebih agresif sebaik kewafatan nabi.[49]

Pemberontakan liar mula muncul di wilayah-wilayah lain terutama di kalangan mereka yang lemah imannya (kecuali Makkah, Madinah dan Ṭaif). Terdapat di kalangan generasi baru yang memeluk Islam kerana inginkan perlindungan dan habuan harta rampasan (*al-ghanīmah*). Oleh itu, selepas kewafatan Rasul Allah (s.ᶜa.w), ramai di kalangan mereka yang murtad.[50]

Khalifah Abū Bakr ber*ijtihād* untuk memerangi pencabulan terhadap agama Allah (s.w.t). Abū Hurayrah meriwayatkan, maksudnya:

> *`.... Demi Allah aku tetap memerangi sesiapa sahaja yang membezakan antara sembahyang dan* ***zakat*** *kerana* ***zakat*** *merupakan hak harta. Demi Allah jika mereka mencegahku* ***menarik unta-unta (zakat)*** *yang biasa mereka bayarkan kepada Rasul Allah, pasti aku perangi mereka....* [51]

Keputusan perang yang diambil oleh khalifah merupakan satu strategi siasah yang bijak bagi membendung dan menyekat unsur-unsur kekacauan dalam negara. Keadaan huru hara dan kacau bilau akan menghalang proses pembangunan dan pendakwahan. Kemungkaran tidak membayar zakat wajar

segera dihentikan sebelum menjadi wabak yang merbahaya di dalam masyarakat. Langkah khalifah Abū Bakr seiring dengan pendapat ᶜAbd Allāh bin Masᶜūd bahawa orang yang engkar dan tidak membayar zakat adalah murtad.[52]

Dalam pentadbiran zakat, antara pembaharuan yang dilakukan di zaman ini ialah mewajibkan zakat gaji (*al-ᶜAtā'*) dan hasil jualan hamba (*al-Māl al-Mustafād*). [53] Para sahabat bagaimanapun tidak sepakat tentang syarat *ḥawl*. [54] Menurut Ibn ᶜAbbās, Ibn Masᶜūd dan Muᶜawiyah tidak mensyaratkan *ḥawl* sedangkan ᶜĀisyah, ᶜAli, Ibn ᶜUmar dan Anas mensyaratkan *ḥawl*. [55]

Bagi melicinkan pentadbiran institusi zakat, khalifah Abū Bakr telah melantik Abū ᶜUbaydah bin al-Jarrah sebagai pemegang amanah negara yang mengepalai urusan perbendaharaan yang dikenali sebagai *Amīn al-Ummah*. Beliau menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan dibayar sebanyak dua *dirham* sehari daripada peruntukan *Bayt al-Māl*. [56] Zayd bin Thābit pula dilantik sebagai Setiausaha Negara (*al-Kātib*). [57]

Tindakan Khalifah Abū Bakr memerangi golongan *māniᶜ al-zakāt* merupakan langkah bijak untuk menyelamatkan institusi zakat. Ini membuktikan kepentingan besar institusi itu dalam pembangunan negara.

b) Khalifah ᶜUmar bin al-Khaṭṭāb (13 – 23H)

Sebelum Islam, ᶜUmar bin al-Khaṭṭāb sangat berpengaruh di dalam masyarakatnya dan amat lantang menentang Islam.

Nama asalnya ialah , ᶜUmar bin al-Khaṭṭāb bin Nufail bin ᶜAbd ᶜUzzay bin Rubah bin Kaᶜab bin Uway al-Qurasy al-ᶜAdawy, dari keturunan Bani ᶜĀdi. Dilahirkan di Makkah 4 tahun sebelum peperangan *al-Fujjār*.[58]

Beliau memeluk Islam pada tahun kelima kerasulan Nabi (s.ᶜa.w) ketika berusia 32 tahun.[59] Pengislaman ᶜUmar berjaya menganjak pemikiran masyarakat di mana orang ramai bertambah berani melakukan sembahyang beramai-ramai di Kaᶜbah.[60] Rasulullah (s.ᶜa.w) amat menantikan pengislaman ᶜUmar dan pernah mendoakannya.[61] Pada zamannya beliau menukar panggilan Khalifah kepada *Amīr al-Mukminīn*.[62]

ᶜUmar meneruskan polisi dan dasar yang dijalankan oleh Abū Bakr dengan mempertingkatkan potensi dan kualiti dalam semua aspek selaras dengan perkembangan dan keluasan Islam. Kebijaksanaan khalifah Abū Bakr membenteras pemberontakan banyak membantu ᶜUmar melicinkan jentera pentadbiran negara.

Negara Islam semakin meluas dengan pembukaan Iraq, Parsi, Palestin, Syam dan Mesir. Perkembangan ini menambah khazanah negara khususnya peningkatan sumber zakat yang ketara.[63]

Antara reformasi pentadbiran yang dijalankan bagi menangani sistem pengurusan perbendaharaan negara ialah menubuhkan *diwān* khas bagi mengawasi dan mengemaskinikan urusan *Bayt al-Māl*, yang dikenali sebagai *Diwān al-Kharāj*.[64] Sistem ini kemudiannya diperkembangkan ke seluruh wilayah Islam. *Diwān al-Kharāj* berfungsi sepenuhnya dalam urusan *Bayt al-Māl* seperti rekod keluar masuk wang, gaji pekerja, pengagihan harta zakat dan sebagainya.[65]

ᶜUmar juga menubuhkan *Diwān al-Jund*, yang menyamai Jabatan Ketenteraan yang berperanan mendaftarkan senarai tentera untuk memudahkan pembayaran gaji dan hal-hal kebajikan.[66]

Amīr al-Mukminīn ᶜUmar bin al-Khaṭṭāb memperkenalkan sistem kawalan (*al-ḥisbah*) terhadap pegawai dan amil-amil yang dilantik. Semua harta kekayaan hendaklah diisytihar untuk direkodkan sebelum mereka diterima bekerja.[67]

Al-Mawardi menegaskan dalam pengurusan zakat, *wilāyah al-ḥisbah* berperanan mengawasi pegawai dan amil-amil yang dilantik daripada sebarang penyelewengan. Jika berlaku penyelewengan, segera dibawa ke muka pengadilan.[68]

Amīr al-Mukminīn sangat mementingkan prestasi kerja yang cemerlang di kalangan pegawai dan amil yang dilantik sebagai syarat untuk kekal dalam jawatan. Mereka yang khianat dan menyeleweng segera dipecat. Untuk itu, ᶜUmar pernah membayar kepada ᶜAmmar bin Yasir dan dua orang pembantunya sebanyak 600 *dirham* sebulan dan ditambah ½ ekor kibas dan setengah gantang gandum setiap hari.[69] ᶜAbd Allāh bin Masᶜud menerima gaji 400 *dirham* sebulan dan ditambah ¼ ekor kibas setiap hari kerana mengajar dan kerja-kerja di *Bait al-Māl* manakala ᶜUthmān bin Hunayf bergaji 150 *dirham* sebulan ditambah ¼ ekor kibas setiap hari.[70]

Dalam perancangan untuk mempertingkatkan pengurusan zakat bagi menambah perbendaharaan negara, ᶜUmar sering menegaskan untuk mengenakan zakat harta-harta lain ke atas orang-orang kaya yang hidup mewah serta mempunyai kelebihan harta tahunan. Ia bertujuan membantu rakyat miskin yang serba daif.[71]

ᶜUmar telah ber*ijtihād* mewajibkan zakat kuda walaupun pada zaman Rasul Allah (s.ᶜa.w) kuda tidak dikenakan zakat.[72] Pandangan *Amīr al-Mukminīn* disanggah oleh ᶜUbaydah al-Jarrah, pegawai zakatnya di negeri Syam. [73] ᶜUmar berpendapat kuda di zaman Rasul Allāh (s.ᶜa.w) digunakan untuk kerja-kerja pertanian dan pengangkutan tetapi di zamannya kuda di*komersial*kan, oleh itu wajar dikenakan zakat.[74]

ᶜUmar telah meluaskan tafsiran zakat pertanian. Semua sayuran kekacang seperti *ᶜadas* (kacang), *hamus* (kacang putih) dan *qutniyyah* (kapas) dikenakan zakat,[75] begitu juga buah zaitun.[76] Zakat 20 peratus juga dikenakan ke atas semua hasil laut (*al-ᶜanbar*) berdasarkan *ijtihād* Ibn ᶜAbbās.[77]

ᶜUmar juga menetapkan kadar zakat madu lebah antara 5 hingga 10 peratus bergantung kepada guna tenaga bagi menghasilkannya.[78] Sebagai langkah penguatkuasaan, denda yang tinggi sehingga 20 peratus daripada nilai barangan zakat dikenakan bagi mereka yang didapati menipu taksiran.[79]

Abū ᶜUbayd di dalam *al-Amwāl* mencatatkan bahawa ᶜUmar dalam pengagihan zakat sentiasa memberikan galakan agar golongan miskin berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan kemahiran hidup. Mereka jangan

semata-mata bergantung kepada sumbangan zakat sebaliknya zakat hendaklah dijadikan peransang untuk mengubah kehidupan.[80]

Dalam tempoh 10 tahun 6 bulan pemerintahannya, ternyata *Amīr al-Mukminīn* ᶜUmar bin al-Khaṭṭāb banyak membuat reformasi dan penyesuaian dalam institusi zakat. ᶜUmar meninggal dunia pada bulan Zulhijah tahun 23 H ketika berusia 63 tahun, iaitu sebaya dengan umur Rasul Allah (s.ᶜa.w) dan Abū Bakr al-Ṣiddīq.[81]

c) Khalifah ᶜUthmān bin al-ᶜAffān (23 - 35H)

Beliau merupakan khalifah yang ketiga. Nama asalnya ialah ᶜUthmān bin al- ᶜAffān bin Abī ᶜAs bin Umayyah bin ᶜAbd Syams bin ᶜAbd Manāf bin Qushay al-Umawy al-Quraysy. Dilahirkan lima tahun selepas kelahiran Nabi (s.ᶜa.w). [82]

ᶜUthmān terkenal seorang yang mempunyai keperibadian yang mulia, warak dan kuat beribadat. Beliau mendapat gelaran *Dzū al-Nurayn* kerana mengahwini dua puteri Rasul Allah (s.ᶜa.w).[83] Beliau sangat pemurah dan pernah mendermakan wang 1,000 dinar, kuda dan unta untuk membiayai Perang Tabuk.[84] ᶜUthmān telah mewakafkan tanah untuk pembinaan *Masjid al-Ḥarām* di Makkah

dan *Masjid al-Nabawī* di Madinah. Beliau juga pernah melupuskan hutang Talhah sebanyak 50,000 dirham.[85]

Ketika ᶜUthmān mengambilalih teraju pemerintahan, khazanah harta negara di *Bayt al-Māl* begitu banyak, majoriti rakyat mempunyai harta dan hidup dalam keadaan senang. Untuk melicinkan jentera pentadbiran, khalifah ᶜUthmān mengubah sedikit mekanisme pungùtan zakat berdasarkan kategori harta *ẓāhīr* dan harta *bāṭin*.[86] Badan pentadbiran hanyalah dihadkan bidangkuasanya untuk memungut harta *ẓāhīr* seperti binatang ternakan, tanaman dan bijian manakala zakat harta *bāṭīn* seperti emas, perak dan hasil-hasil pertanian diserahkan kepada pemiliknya sebagai wakil daripada pemerintah.[87]

Ketika menjelaskan langkah yang diambil oleh ᶜUthmān, al-Qaraḍāwi mengatakan kedudukan kewangan negara yang begitu selesa ketika itu mendorong khalifah untuk menyerahkan urusan zakat harta bāṭīn kepada pemilik. Langkah ini juga sebagai satu penghormatan kepada rakyat yang telah memberikan kerjasama dan sokongan yang padu kepada pemerintah.[88]

Keteguhan institusi kewangan ketika itu adalah hasil kerja keras khalifah ᶜUmar al-Khaṭṭāb yang telah mengutip zakat daripada pelbagai sumber bagi

melicinkan urusan pentadbiran negara yang semakin luas. Apabila ᶜUthman mengetuai negara, kedudukan kewangan begitu teguh.[89]

Perkembangan pesat negara turut mempengaruhi instrumen pasaran kewangan dan perkembangan harta. Ketika ini persoalan zakat harta pinjaman merupakan topik yang hangat diperkatakan[90] walaupun ianya pernah diajukan di zaman ᶜUmar.[91] Persoalannya siapakah yang wajib membayar zakat, si piutang atau si berhutang? Adakah ia wajib dibayar setiap tahun atau selepas bayaran disempurnakan.[92]

Khalifah ᶜUthmān masih meneruskan polisi dan *ijtihād* ᶜUmar[93] sebagaimana pernah ditegaskan oleh khalifah ᶜUmar ketika menjawab persoalan berkaitan, katanya yang bermaksud:

> *'Belanjakan kepada keluarga dan bayar hutang dahulu kemudian* ***tunaikan zakat'.***[94]

Jelas di sini, si berhutang tidak wajib membayar zakat sehingga dia melunaskan hutang dan mencukupkan keperluan keluarganya manakala si piutang pula dikehendaki membayar zakat jika diyakini pada tahun-tahun tertentu hutang itu dibayar kepadanya.

ᶜUthmān juga mempraktikkan zakat pendapatan, elaun atau gaji (*al-Māl al-Mustafād*) secara langsung daripada rakyatnya yang kaya apabila semua harta yang dimiliki mencapai *niṣāb*. ᶜAisyah binti Qudāmah meriwayatkan daripada ayahnya yang bermaksud:

> *`Apabila aku menemui Khalifah ᶜUthmān bin ᶜAffān untuk mengambil bayaran al-Mal al-Mustafad, ᶜUthman bertanya: `Adakah kamu memiliki harta yang diwajibkan **zakat**?, kalau aku menjawab, ada, beliau akan memotong al-Mal al-Mustafad itu'. Kalau aku menjawab, tidak, beliau akan menyerahkan al-Mal al-Mustafad sepenuhnya'.*[95]

Dalam kegigihan untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara terdapat rungutan dan aduan terhadap salah laku di dalam pengurusan zakat. Wujud di kalangan pegawai dan amil yang dilantik menyeleweng dan tidak amanah dalam menaksirkan harta zakat. Begitu juga soal pengagihan yang tidak telus sepertimana diakui sendiri oleh pegawainya di Kufah, ᶜAbd Allāh bin Masᶜūd.[96]

Oleh itu, khalifah ᶜUthmān pernah berpesan kepada para pegawainya dengan pesanan yang bermaksud:

'Allah (s.w.t) menyeru kamu semua menjadi pegawai pelindung kepada rakyat, bukan semata-mata menjadi pengutip. Umat sebelum kamu semuanya menjadi pemelihara bukan peminta kerana peminta akan menghilangkan sifat amanah, jujur, pemalu, setia dan segala sifat baik lainnya'. [97]

Maksud kata khalifah lagi:

'Allah (s.w.t) menciptakan makhluk dengan ***haq*** *(kebenaran). Allah tidak menerima sesuatu daripada hamba-hambanya kecuali dengan* ***haq****. Ambillah dengan benar dan berikan dengan benar dan amanah dengan amanah. Peliharalah amanah ini selama-lamanya, jangan kamu menjadi orang pertama yang mengkhianatinya. Kamu akan menanggung segala urusan kamu di hadapan Allah, jangan khianati anak-anak yatim dan perjanjian yang kamu akui, sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang dianiyai'.* [98]

Langkah yang diambil oleh khalifah itu bertujuan mengembalikan semua pihak khususnya pihak pentadbir kepada hakikat dan rahsia pensyariatan zakat yang sebenar. Zakat merupakan suatu sistem jaminan sosial yang ditambat erat dengan ikatan akidah. Pelaksanaannya merupakan suatu amanah.

Khalifah ᶜUthmān bin al-ᶜAffān meninggāl dunia pada 18 Zulhijjah tahun 35 H [99] setelah memimpin negara lebih 12 tahun.

d) Khalifah ᶜAli bin Abī Ṭālib (35 – 40H)

ᶜAli bin Abī Ṭālib dilantik menjadi khalifah pada 25 Zulhijjah tahun 35 H, seminggu selepas kematian khalifah ᶜUthmān bin al-ᶜAffān ketika berumur 58 tahun.[100] Nama asalnya ialah ᶜAli bin Abī Ṭālib bin ᶜAbd Muṭalib bin Hasyīm bin ᶜAbd Manāf bin Qusay bin Kilab al-Qurasy, dilahirkan di Makkah.[101] Beliau adalah sepupu dan menantu Nabi kerana berkahwin dengan Fatīmah al-Zahrah, puteri Rasul Allah (s.ᶜa.w).

Selepas dilantik menjadi khalifah, ᶜAli pernah menegaskan, maksudnya:

> *'Kamu semua adalah bertanggungjawab* ***membayar zakat*** *hasil pertanian dan ternakan. Taatilah Allah dan jauhkan maksiat. Allah menurunkan al-Quran yang mengandungi perkara-perkara baik dan buruk, lakukanlah kebaikan dan hindari keburukan'.* [102]

Dalam tempoh hampir lima tahun pemerintahan ᶜAli (25 Zulhijjah 35H – 17 Ramadhan 40H).[103] tidak banyak berlaku perubahan pada sistem dan pengurusan institusi zakat memandangkan berlaku kekacauan yang berpanjangan dalam negara, oleh itu banyak tenaga dan perhatian ditumpukan kepada keselamatan dan kestabilan negara.

Dalam pada itu, pengurusan dan pentadbiran institusi zakat tetap mengalami anjakan di mana pada zaman ᶜAli, unta yang digunakan untuk pengangkutan dan tunggangan dikecualikan daripada zakat. Idea ini bersandarkan keputusan Rasul Allah (s.ᶜa.w) mengecualikan zakat ke atas lembu yang digunakan untuk pertanian.[104] *Ijtihād* ᶜAli dipersetujui oleh ulama semasa dan selepasnya seperti Ibrāhīm al-Nakhāᶜi, Mujāhid bin Jabr dan al-Zuhri.[105]

Bagaimanapun unta-unta yang di luar kategori ini tetap dikenakan zakat, di mana setiap lima ekor unta, zakatnya seekor kambing. Ketika ini, kadar tersebut boleh diubahgantikan dengan seekor unta yang lebih muda atau tua dengan syarat dibayar gantirugi kepada tuannya dua ekor kambing atau sepuluh *dirham*.[106]

Khalifah ᶜAli juga mengecualikan semula kuda daripada dikenakan zakat walaupun zakat kuda dilaksanakan di zaman ᶜUmar dan ᶜUthmān. Menurut ᶜAli, kuda ketika itu digunakan sepenuhnya untuk kerja-kerja pertanian berbeza dengan kuda yang diusahakan secara komersial di negeri Yaman, Palestin dan Syam.[107]

Dari sudut pentadbiran, khalifah ᶜAli bin Abī Ṭālib lebih cenderung bertindak mengawasi sendiri tingkah laku parā pegawai dan amil-amil yang dilantik bagi mengelakkan penyelewengan dan penindasan. [108] Khalifah pernah

membahagikan sendiri harta zakat kepada penduduk Basrah secara adil di mana setiap orang menerima 100 *dinar*. [109]

Sehubungan dengan itu, beliau selalu menasihati para pegawai dan amil-amil agar sentiasa tenang ketika berhadapan dengan pembayar zakat, amalkan konsep mesra dan menaksirkan zakat dengan penuh rasa tanggungjawab.[110]

ᶜAli terkenal sebagai seorang pemimpin yang sangat cermat menggunakan harta zakat dan *Bayt al-Māl*. Beliau berpegang bahawa dana tersebut adalah hak rakyat. Oleh itu, beliau telah memotong peruntukan hadiah kepada saudara mara khalifah sepertimana yang diamalkan oleh ᶜUthmān. [111] ᶜAli juga pernah menolak permintaan saudaranya ᶜUqayl bin Abī Ṭālib untuk mendapatkan peruntukan yang lebih daripada *Bayt al-Māl*, katanya yang bermaksud:

> *'Wahai saudaraku, engkau tiada hak ke atas harta itu* ***(Bayt al-Māl)*** *melainkan apa yang telah aku berikan tetapi bersabarlah aku akan datang untuk memenuhi permintaanmu apabila aku memiliki harta sendiri'.* [112]

Ketegasan ini menimbulkan kemarahan ᶜUqayl lantas bertindak menyertai Muᶜawiyyah di negeri Syam untuk menentang ᶜAli.[113] Khalifah juga tidak pernah menyalahgunakan dana *Bayt al-Māl* untuk membantu anak-anaknya.[114]

Di penghujung pentadbiran ᶜAli berlaku pertikaian membayar zakat kepada pemerintah. Terdapat kecenderungan untuk tidak membayar zakat kepada pemerintah sebaliknya menyalurkan terus kepada *asnāf-asnāf* yang berhak. [115]

Ketegangan berterusan di dalam negara akhirnya membawa kepada pembunuhan khalifah ᶜAli bin Abī Ṭālib pada 17 Ramadhan tahun 40 H. ᶜAli ditikam oleh ᶜAbd al-Rahmān bin Muljam. [116] Dengan kematian khalifah ᶜAli bin Abī Ṭālib, berakhirlah zaman *Khulafā' al-Rāsyidīn*. Tampok pemerintahan negara kemudiannya diteruskan oleh kerajaan *Banī Umayyah* (40H – 127H).

Dalam masalah fiqh ketika ini, terdapat dua aliran pemikiran yang sangat dominan iaitu aliran Hijaz yang dikenali sebagai *ahl al-Ḥadīth* dan aliran Iraq iaitu *ahl al-Ray*. Aliran Hijaz dipengaruhi oleh pemikiran ᶜAbd Allāh ᶜUmar dan Zayd bin Thābit manakala aliran Iraq terpengaruh dengan pemikiran ᶜAbd Allāh bin Masᶜūd. [117]

Kegiatan *ijtihād* lebih menonjol ketika ini tetapi berlaku secara individu. Misalnya semasa pemerintahan khalifah Mu^{c}awiyyah bin Abī Sufyan (40H – 60H), nilai zakat fitrah satu gantang *zabīb* pada masa Nabi adalah sama dengan ½ gantang gandum.[118] *Ijtihād* ini selaras dengan pendapat ^{c}Abd Allāh bin ^{c}Umar dan Abū Sa^{c}id al-Khudri.[119] Mu^{c}awiyyah juga merupakan khalifah yang pertama melaksanakan sistem zakat *al-Mal al-Mustafād* secara bersistematik kepada pegawai-pegawainya. [120]

Pertikaian mengenai pembayaran zakat kepada pemerintah yang mulai tercetus pada penghujung pemerintahan khalifah ^{c}Ali bin Abī Tālib semakin ketara di zaman ini.

Daripada empat belas orang khalifah *Umayyah*, pemerintahan ^{c}Umar bin ^{c}Abd al-^{c}Azīz adalah yang paling menonjol terutama soal kecekapan pengurusan *Bayt al-Mal*. Malahan khalifah kelapan ini dilihat mempunyai banyak ciri persamaan dengan pemerintahan ^{c}Umar bin al-Khattab.[121]

e) Khalifah ^{c}Umar bin ^{c}Abd al-^{c}Azīz (99 – 101H)

^{c}Umar bin ^{c}Abd al-^{c}Azīz dilahirkan di Madinah dari kalangan keluarga yang kuat berpegang dengan ajaran agama. Ibunya adalah anak kepada khalifah

ᶜUmar bin al-Khaṭṭāb. Beliau menjadi khalifah dengan menggantikan Sulaimān bin ᶜAbd al-Mālik. ᶜUmar terkenal di kalangan rakyat kerana sifat pemurahnya termasuk mengecualikan cukai (*jizyah*) bagi *ahl al-Dhimmah* yang memeluk Islam, beliau juga mengenakan cukai yang paling minima kepada rakyat. [122]

Seperti di zaman *Khulafā' al-Rāsyidīn*, ᶜUmar mengekalkan zakat gaji atau pendapatan (*al-ᶜAṭā'*). Malahan diperluaskan meliputi harta-harta perniagaan dan pinjaman,[123] di mana beliau pernah mengarahkan Zurayq bin Hayyan memungut zakat daripada pedagang-pedagang Muslim.[124] Khalifah ᶜUmar juga memperluaskan praktik zakat *al-Māl al-Mustafād* sebagaimana disebut oleh al-Thawri, katanya yang bermaksud:

> *'Setelah Khalifah ᶜUmar ᶜAbd al-ᶜAzīz membayar al-Mal al-Mustafad kepada pegawainya, beliau mengambil zakat daripada al-Mal al-Mustafad itu'.*[125]

Dalam amalan zakat *al-Māl al-Mustafād*, khalifah ᶜUmar bersetuju dengan pandangan ᶜAbd Allāh bin Masᶜūd dan ᶜAbd Allāh bin ᶜAbbās yang tidak mensyaratkan *ḥawl*. [126]

Beliau juga terkenal kerana memperkēnalkan zakat terhadap hadiah-hadiah dan *māl-al-Dimār* (harta yang hilang dan tidak diketahui pemiliknya).

Pemungutan zakat daripada sumber ini dikenakan tatkala beliau memulangkan harta berkenaan kepada tuan asalnya.[127] Khalifah ᶜUmar memerintahkan ᶜUrwah bin Muhammad supaya mengutip zakat *māl-al-Dimār*.[128]

Zakat hasilan laut (*al-ᶜAnbar*) diperluaskan tafsirannya merangkumi *lu'lu'* (mutiara), *zamrud* (permata) dan seumpamanya.[129] Khalifah juga mengenakan zakat madu berdasarkan kes Hilal bin Saᶜid yang berlaku di zaman Rasul Allah (s.ᶜa.w).[130] Pendapat ini kemudiannya diikuti oleh Makhul, al-Zuhri dan Sulaimān bin Mūsā.[131]

Zakat madu dan kuda seringkali mengalami perubahan, pada era pentadbiran ᶜUmar, zakat kuda ditarikbalik kerana penggunaan yang berubah, sepertimana pendapat Ibrahim al-Nakhāᶜi, ᶜAtā', al-Syaᶜbi dan al-Ḥassan al-Baṣrī.[132]

Khalifah ᶜUmar masih lagi mengamalkan sikap pengawasan terhadap pegawai dan amil-amil yang dilantik. Jika terdapat sebarang penyelewengan, mereka yang bersalah akan segera dipecat. Disiplin dan ketegasan sebegini telah banyak membantu kejayaan di dalam tempoh pemerintahannya sehinggakan beliau dianggap paling berjaya mengangkat taraf kehidupan rakyat ke tahap yang tinggi. Majoriti rakyat hidup dalam kesenangan.[133]

Yahya bin Sa^{c}id menceritakan ketika beliau bertugas di satu daerah Islam di Afrika, setelah semua zakat dikumpulkan dia terpaksa mencari fakir miskin yang layak menerima zakat tetapi tidak bertemu. Ternyata semuanya hidup datang kesenangan. Pemerintahan ^{c}Umar telah menjadikan rakyat hidup senang dan mewah, akhirnya peruntukan zakat itu dimanfaatkan menebus hamba abdi untuk dibebaskan.[134] Pendapatan negara melebihi perbelanjaan. Taraf hidup rakyat terjamin dan memuaskan. Tidak ada orang yang layak menerima zakat kerana semuanya telah mencapai taraf hidup di atas paras *nisāb*. [135]

Khalifah ^{c}Umar bin ^{c}Abd al-Azīz memerintah negara selama dua tahun lima bulan. Beliau meninggal dunia pada bulan Rejab tahun 101 H. [136]

2.2.3 ORGANISASI DAN PENGURUSAN

Islam menuntut umatnya agar sentiasa bersedia di dalam semu aspek kehidupan supaya tidak ketinggalan. Oleh itu, kita hendaklah menyediakan perancangan dan mekanisme pelaksanaan yang sesuai berpandukan dasar-dasar umum al-Quran. Kalangan penguasa khususnya perlu bijak memikirkan teori dan polisi serta mengatur pelan tindakan untuk merealisasikan prinsip agong Syariah yang sudah pasti memberikan pulangan kebajikan.[137]

Dalam Islam, khalifah adalah jawatan tertinggi di dalam negara di mana dia sentiasa dibantu oleh Majlis Syura di dalam penentuan dasar dan polisi termasuk pengurusan kewangan (*Bayt al-Mal*). Pentadbiran dilaksanakan oleh pegawai-pegawai utama dengan bantuan para pegawai dan kakitangan lain yang dilantik oleh khalifah. Mereka menjalankan tugas dan amanah berdasarkan bidangkuasa masing-masing.[138]

Di peringkat pusat, khalifah memegang jawatan pentadbiran tertinggi manakala *al-Amir* berkuasa di wilayah-wilayah dan daerah. Bagi urusan kutipan hasil dan perbelanjaan, tanggungjawab di peringkat pusat dipikul oleh *al-Sahib Bayt al-Mal* (Pengarah) manakala *al-Amir* pula bertanggungjawab di peringkat wilayah.[139] Kedua-dua mereka bertanggungjawab untuk mengawasi dan menyelia kakitangan masing-masing berdasarkan bidangtugas yang telah ditentukan.[140]

Sahib dan *Amir* boleh melantik pegawai dan amil-amil dengan persetujuan khalifah bagi melicinkan kerja-kerja dan urusan *Bayt al-Mal*.[141]

Mereka yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan dan keupayaan bekerja dengan baik. Antara syaratnya hendaklah orang Islam yang merdeka, amanah dan adil, sempurna fizikal dan mental, cekap dan dedikasi.[142] Kemampuan untuk berijtihad juga sangat penting.[143]

Setiausaha (*Kātib*) memainkan peranan yang sangat penting bagi menjayakan fungsi, visi dan misi *Bayt al-Māl*. Dia bertanggungjawab menyedia, memeriksa dan menyemak semua akaun dan laporan kewangan. Al-Māwardi mengenakan dua syarat asas untuk memegang jawatan ini iaitu adil dan mampu menjalankan tugas dengan baik.[144]

Tugas dan tanggungjawab *Kātib* diselia dan diawasi secara langsung oleh *Ṣāhib* atau *Amīr* di wilayah-wilayah.[145] Urusan perakaunan ini diletakkan di bawah kawalan jabatan khas iaitu *Diwān al-Dhimam* (Jabatan Akauntan) yang berperanan mengurus dan memantau urusan perakaunan harta dan kewangan semua jabatan yang bernaung di bawah *Bayt al-Māl*.[146]

Diwān al-Dhimam menyamai peranan Bahagian Perbendaharaan pada hari ini dalam mengumpul semua sumber hasil perolehan *Bayt al-Māl* dan memantau perbelanjaannya di wilayah-wilayah. Ia juga mengawasi kemasukan hasil dan perbelanjaan jabatan-jabatan yang bernaung di bawah *Bayt al-Māl*. Dengan fungsi ini, *diwān* mempunyai rekod statistik yang lengkap mengenai lebihan atau kekurangan kewangan di setiap wilayah bagi mengatur strategi dan polisi belanjawan akan datang.[147]

Kecemerlangan fungsi *Diwān al-Dhimam* misalnya dapat dibuktikan semasa pemerintahan khalifah ᶜUmar bin ᶜAbd al-ᶜAzīz (99 – 101H) di mana pendapatan negara melebihi perbelanjaan. Perbelanjaan awam ketika itu bukan dalam bentuk perbelanjaan seimbang atau perbelanjaan deposit, tetapi lebihan perbelanjaan. [148]

Menurut al-Mawardi, *Bayt al-Māl* sebagai sebuah agensi kerajaan boleh mendakwa sesiapa sahaja yang melakukan penyelewengan dan pecah amanah ketika menjalankan tugas. Termasuk pegawai dan kakitangan yang tidak mematuhi peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh khalifah, bagi menjamin kepentingan institusi awam berkenaan.[149]

Oleh sebab itu, kata beliau, semua dokumen, laporan dan peraturan rasmi yang dikeluarkan oleh pegawai dan kakitangan *Bayt al-Māl*, pada dasarnya sah diterima sebagai bukti keterangan dalam satu-satu tindakan mahkamah.[150] Bagaimanapun, untuk menguatkan pembuktian, menurut mazhab Hanafi, keterangan-keterangan saksi dan pengakuan lisan diperlukan.[151]

Menyentuh soal bidang kuasa, jika pertikaian tentang laporan akaun berkaitan perolehan (kutipan), maka beban pembuktian dipikul oleh amil. Jika

membabitkan soal perbelanjaan, *Kātib* hendaklah membuktikannya di dalam perbicaraan.[152]

Jika orang awam mempertikaikan apa-apa laporan oleh pegawai atau kakitangan *Bayt al-Māl*, *Ṣahib* mempunyai bidangkuasa untuk menyelesaikannya. Tetapi jika berlaku pertikaian antara pegawai dan kakitangan *Bayt al-Māl* di mana *Ṣahib* juga terlibat, penyelesaian dilakukan di mahkamah.[153]

Pendek kata, peraturan dan undang-undang dirangka sebagai prosedur bagi mencapai hasil kerja yang bermutu, konsisten dan bertanggungjawab. Semua ini akan mempercepatkan pelaksanaan dasar-dasar Syarak.

2.2.4 KONSEP PEMBAYARAN ZAKAT KEPADA PEMERINTAH

Pensyariatan zakat berkait rapat soal tanggungjawab untuk membangunkan kehidupan sosial yang seimbang. Untuk mengamalkan konsep keseimbangan agihan harta kekayaan dengan meletakkan nilai-nilai kebendaan dan kerohanian pada kepentingan yang sama, institusi zakat hendaklah diuruskan secara profesional.

Oleh itu, tanggungjawab untuk mentadbir institusi zakat menjadi kewajipan pemerintah yang mesti dipikul dengan penuh amanah. Pemerintah hendaklah menubuhkan sebuah badan khas yang mempunyai struktur organisasi yang tersusun untuk mengendalikan kutipan dan agihan zakat. Kewajipan ini bersandarkan catatan nas-nas al-Quran, al-Sunnah, *Ijmā'* dan *Fatāwā al-Ṣahabah*.[154]

Di dalam al-Quran diperuntukkan dengan jelas pihak yang bertanggung-jawab untuk mengutip dan mengagihkan zakat sebagaimana firman Allah (s.w.t) yang bermaksud:

> *'Sesungguhnya sedekah-sedekah* ***(zakat)*** *itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah amat mengetahui lagi amat bijaksana'.*
>
> ***(Al-Tawbah: 60)***

Al-Rāzi berpendapat, empat *aṣnāf* pertama[155] dimulakan dengan ***Lām al-Tamlīk*** kerana mereka merupakan *mustaḥiq* yang utama terhadap zakat. Mereka mempunyai hak memiliki harta berbeza dengan golongan selepas itu yang hanya diberikan kadar untuk memenuhi keperluan seperti zakat untuk memerdekakan diri, membayar hutang, *fī sabīl Allāh* dan *ibn sabīl*.[156]

Amil dikategorikan oleh al-Quran sebagai salah satu *aṣnāf* utama yang sudah pasti menggambarkan tentang kepentingan dan keistimewaannya di dalam pelaksanaan zakat.

Mengulas ayat ini, al-Qaraḍāwi berpendapat untuk mengendalikan mekanisme pengurusan zakat yang merupakan institusi kemasyarakatan yang penting, fungsinya hendaklah dijalankan oleh pemerintah. Dengan segala perancangan dan perencanaan, pemerintah wajib menjalankan tugas dan peranan amil sebagaimana dibentang oleh al-Quran.[157] Jika pemilik harta sendiri boleh menguruskan zakat, tentulah amil tidak dimasukkan sebagai *aṣnāf* yang utama.[158] Amil merupakan wakil pemerintah yang dilantik dan diamanahkan mengutip dan mengagihkan zakat.[159]

Menurut al-Māwardi, amil menjalankan dua tugas iaitu mengutip dan mengagihkan zakat. Allah (s.w.t) memuliakan para amil dengan tugas-tugas ini

sehingga melayakkan mereka menerima habuan zakat.[160] Al-Rāzi pula menegaskan bahawa kutipan dan agihan zakat adalah tugas pemerintah.[161] Ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah (s.w.t), yang bermaksud:

> *'Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah* ***(zakat)*** *supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah), Allah amat mendengar lagi amat mengetahui'.*
>
> ***(Al-Tawbah: 103)***

Menurut Ibn Kathīr, perintah mengutip zakat di dalam ayat ini adalah umum dan meliputi Rasul Allah (s.ᶜa.w) dan pemerintah selepasnya.[162] Ia tidak dikhususkan kepada Rasul Allah (s.ᶜa.w) sahaja kerana tindakan Nabi adalah berdasarkan kedudukannya sebagai pemerintah.

Sebab itu, kata al-Qaraḍāwi, khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq memutuskan untuk memerangi golongan *ahl al-bughah* yang enggan membayar zakat kepada pemerintah sebaik kewafatan Rasul Allah (s.ᶜa.w).[163]

Tindakan tegas Abū Bakr membuktikan bahawa zakat hendaklah dibayar kepada pemerintah dan tanggapan bahawa ayat 103 surah al-Tawbah ditujukan khas kepada Nabi (s.ᶜa.w) sahaja adalah tidak benar. Malah tindakan khalifah Abu Bakr bertujuan untuk mempertahankan tanggungjawab dan hak pemerintah.[164]

Lebih jauh dari itu, pemerintah boleh memaksa atau merampas harta pemilik yang enggan membayar zakat atau menipu taksiran sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bahz bin Hakīm, katanya yang bermaksud:

> *`Unta yang mencari makan sendiri, pada setiap 40 ekor,* ***zakat****nya seekor* ***bint labun*** *(anak unta betina yang berumur lebih dua tahun), janganlah menyeleweng di dalam perkiraan, sesiapa yang membayar* ***zakat*** *dan mengharapkan balasan, dia akan mendapat pahala dan sesiapa yang mencegahnya (****zakat****), maka kami akan mengambilnya (****zakat****) bersama separuh hartanya sebagai perintah yang tegas daripada Allah'*[165]

Mengulas *ḥadīth* ini, al-Syawkāni berkata pemerintah diberi kuasa untuk bertindak ke atas pemilik harta yang cuba mengelakkan zakat. Oleh itu, untuk melaksanakan tanggungjawab yang besar ini, pengendalian zakat hendaklah dipikul oleh pemerintah di mana membayar zakat kepada pemerintah merupakan suatu kewajipan.[166]

Tindakan Rasul Allah (s.ᶜa.w) mengutuskan Muᶜadh ibn Jabal ke negeri Yaman sebagaimana di riwayatkan oleh Ibn ᶜAbbas dibuat di atas kapasiti baginda sebagai pemimpin pusat bagi menjalankan urusan pentadbiran dan pemerintahan. Oleh itu, segala tindakan pentadbiran Muᶜadh adalah sebagai wakil pemerintah termasuklah menguruskan institusi zakat. Jelas, zakat dikutip oleh pemerintah dan tidak dilakukan sendiri oleh pemilik harta.

Menurut Ibn Hajar dan al-Syawkani peristiwa ini menjadi hujah bahawa pemerintah hendaklah bertanggungjawab untuk mengutip dan mengagihkan zakat samada secara langsung atau melalui wakilnya. Oleh itu, pemerintah boleh mengambil zakat secara paksa, jika pemilik menahan hartanya.[167]

Al-Qaraḍawi berkata, Ibn Hajar di dalam *al-Talkhis* menghimpunkan banyak *ḥadith* yang menjelaskan bahawa Rasul Allah (s.ᶜa.w) telah menghantar pegawai dan wakil baginda untuk mengutip dan mengagihkan zakat di seluruh wilayah Islam.[168]

Berdasarkan *ḥadith-ḥadith* ini, menurut Ibn al-Qayyim, menjadi hujah yang kuat bahawa pemerintah wajib melantik penguasa atau amil untuk mengutip dan mengagihkan zakat bagi mengelakkan penyelewengan.[169]

Keterangan-keterangan ini jelas membuktikan sejak zaman Nabi (s.ᶜa.w) urusan zakat dijalankan oleh pemerintah. Atas dasar itulah, baginda amat prihatin dalam tindakannya dengan melantik penguasa dan amil-amil bagi setiap kabilah yang memeluk Islam untuk mengutip zakat. Langkah ini telah diikuti seterusnya oleh khalifah-khalifah selepas itu.[170]

Meneliti hujah-hujah ini, al-Nawawi berpendapat bahawa pemerintah wajib melantik penguasa atau amil untuk mengutip zakat berdasarkan amalan Rasul Allah (s.ᶜa.w) dan khalifah-khalifah selepas baginda. Ini kerana mungkin terdapat di kalangan pemilik harta yang jahil tentang kewajipan berzakat, mungkin juga bersifat *bakhīl*, ketika itu pemerintah hendaklah menggunakan kuasanya untuk mengutip zakat.[171]

Sahl bin Abu Salih meriwayatkan bahawa ayahnya ketika memiliki harta yang mencukupi *nisab* bertanyakan bagaimanakah untuk mengeluarkan zakat. Saᶜd bin Abī Waqqās, Ibn ᶜUmar, Abū Hurayrah dan Abū Saᶜid al-Khudri memintanya membayar zakat kepada pemerintah.[172] Dalam satu lagi riwayat disebut, maksudnya:

> *'Aku berkata kepada mereka: 'Kamu semuapun melihat sendiri apa yang dilakukan oleh pemerintah sekarang (zaman Umayyah), apakah aku perlu*

bayar kepada mereka? Jawab mereka: `Ya, bayarlah kepada pemerintah'.[173]

Ibn ᶜUmar meriwayatkan bahawa Nabi (s.ᶜa.w) bersabda yang bermaksud:

*`Serahkan sedekah-sedekah (**zakat**) kamu kepada penguasa (amil) yang dilantik (untuk menjalankan perintah Allah), sesiapa yang melakukan kebaikan, dia mendapat ganjaran, sesiapa yang engkar maka berdosa'.* [174]

Dalam riwayat lain Ibn Umar berkata Rasul Allah (s.ᶜa.w) bersabda yang bermaksud:

`Bayarlah kepada mereka (pemerintah) walaupun mereka meminum arak'. [175]

Jelas melalui nas-nas al-Quran, amalan Rasul Allah (s.ᶜa.w), khalifah-khalifah al-Rāsyidīn dan fatwa-fatwa sahabat bahawa zakat adalah sebuah institusi awam yang bersistematik. Semua mekanisme kutipan dan agihan yang melibatkan banyak data dan statistik hendaklah distrukturkan. Oleh itu, pengendalian institusi zakat menjadi kewajipan pemerintah bukan urusan peribadi.

Al-Qaraḍāwi di dalam *Fiqh al-Zakāh* menukilkan beberapa rahsia dan hikmah mengapa institusi zakat mesti diuruskan oleh pemerintah, antaranya:

a) Dalam kepesatan pembangunan, terdapat di kalangan umat Islam yang lalai dan leka sehingga jiwanya hampir mati. Ketika itu, tiada jaminan kepada orang kurang bernasib baik jika dibiarkan haknya kepada golongan yang lalai. Lagipun, adalah tidak sopan golongan miskin meminta-minta habuannya daripada orang-orang kaya kerana boleh menjatuhkan maruah mereka.

b) Dibimbangi berlaku ketidak sempurnaan agihan zakat kerana kekurangan maklumat tentang golongan yang benar-benar berhak menerima zakat. Juga boleh membebankan pemilik harta.

c) Kekurangan maklumat tentang perubahan dan keperluan semasa *aṣnāf-aṣnāf* yang berhak menerima zakat berkemungkinan berlaku timbunan habuan zakat kepada *aṣnāf* tertentu sahaja.

d) Menonjolkan cara hidup Islam yang bersistematik di mana pemerintah Islam perlu menterjemahkan dasar-dasar umum al-Quran untuk menjamin kebaikan dan kemaslahatan masyarakat. [176]

Timbul persoalan, apakah pemerintah berhak mengutip dan mengagihkan zakat dari semua jenis harta? Atau dalam kategori tertentu, pemilik harta berhak

menyalurkan sendiri zakat secara terus kepada *aṣnāf-aṣnāf*nya berdasarkan imbasan firman Allah (s.w.t) yang bermaksud:

> *'Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum. Bagi orang-orang miskin yang meminta-minta dan orang-orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)'.*
>
> ***(Al-Maᶜarij: 24-25)***

Ibn Hummām berhujah bahawa ayat 103 surah al-Tawbah memberikan kuasa mutlak kepada pemerintah menjalankan urusan kutipan dan agihan zakat, merangkumi harta *ẓāhir* dan *bāṭin*.[177] Katanya ayat di atas tidak bermaksud membezakan antara harta *ẓāhir* dan *bāṭin* kerana Rasul Allah (s.ᶜa.w) dan dua khalifah *al-Rāsyidīn* dalam pentadbiran mereka mengutip zakat daripada kedua-dua sumber harta.[178]

Apa yang berlaku semasa zaman khalifah ᶜUthmān bin al-ᶜAffān yang memisahkan antara harta *ẓāhir* dan *bāṭin* ialah untuk memelihara *maṣlahah* di mana ketika itu dana *Bayt al-Mal* terlalu banyak. Amil diarahkan untuk mengutip zakat harta *ẓāhir* manakala zakat harta *bāṭin* 'dipulangkan' urusannya kepada

pemilik menyalurkan kepada *aṣnāf* yang berhak sebagai wakil daripada pemerintah.[179]

Menurut al-Kasāni, langkah yang diambil oleh Uthmān adalah untuk menjaga maslahah ketika itu. Tidak timbul soal pemindahan kuasa pemerintah kepada pemilik harta kerana pada dasar pemerintah tetap berkuasa mengutip zakat harta batin, malahan jika pemilik harta enggan membayarnya, pemerintah boleh menuntut zakat tersebut.[180]

Pertikaian mengenai pembayaran zakat kepada pemerintah berpunca daripada perbezaan pendapat mengenai harta *ẓāhir* dan harta *bāṭin*. Harta *ẓāhir* dikategorikan sebagai harta yang dapat dilihat oleh penaksir zakat untuk menentukan *niṣāb* seperti hasil pertanian dan ternakan. Harta *bāṭin* pula ialah pendapatan tidak nyata untuk ditentukan *nisab*nya, seperti keuntungan perniagaan, wang simpanan, emas dan perak.[181]

Sa^{c}d bin Abī Waqqās, Abū Hurayrah, Abū Sa^{c}id al-Khudri dan ^{c}Abd Allāh bin ^{c}Umar berpendapat bahawa zakat wajib dibayar kepada pemerintah walaupun pemerintah ketika itu *fasiq*.[182] Bagaimanapun pendapat ini kemudiannya disanggahi oleh Ibrāhīm al-Nakha^{c}i dan Ta'us yang berpendapat bahawa pemilik

harta tidak wajib membayar zakat kepada pemerintah sebaliknya diberikan pilihan menyalurkan sendiri zakat kepada *asnāf-asnāf* yang berhak.[183]

Kebanyakan *fuqaha'* sependapat dengan pandangan yang kedua, antaranya Muhammad al-Baqir, Ḥassan al-Baṣri, Makhul, Hammad bin Abi Sulaymān, Maymum bin Mihrān dan al-Syaᶜbi.[184]

Menurut Abu Hanifah, Abu ᶜUbayd dan Syafiᶜi (*Qawl al-Qadim*), zakat harta *ẓāhir* wajib diserahkan kepada pemerintah manakala pandangan kedua Syafiᶜi (*Qawl al-Jadid*) tidak wajib diserahkan kepada pemerintah dan boleh disalurkan sendiri kepada *asnāf* kecuali diminta oleh pemerintah.[185]

Mazhab Maliki dan Zaidiyyah berpegang wajib menyerahkan zakat kepada pemerintah yang adil tanpa membezakan antara harta *ẓāhir* dan harta *bāṭin*. Menurut Zaidiyyah, pemilik harta tidak berhak menguruskan zakat selagi pemerintah bersifat adil. Bagi Hanbali zakat (semua) tidak wajib diserahkan kepada pemerintah samada adil atau tidak tetapi pemerintah berhak mengutipnya.[186] Kata Ibn Qudāmah, sunat bagi pemilik harta mengagihkan zakatnya terus kepada *asnāf-asnāf* yang berhak supaya mereka mendapat haknya dengan cepat.[187]

Mengenai zakat harta *bāṭin* pula menurut Mazhab Hanbali lebih *afḍal* disalurkan sendiri kepada *aṣnāf-aṣnāf*. Syafi'ī berpendapat jika pemerintah adil, hendaklah diserahkan kepada pemerintah dan menurut Hanafi, pemilik harta boleh menguruskan harta *ḥāṭin* sebagai wakil pemerintah.[188]

Walaupun terdapat perbahasan antara hak harta *ẓāhir* dan *bāṭin*, jika diimbasi secara terperinci dan menyeluruh, demi memelihara *maṣlahah*, sebenarnya semua ulamak bersetuju menyerahkan urusan pentadbirannya kepada pemerintah.

Selain daripada ayat 60 dan 103 surah *al-Tawbah,* para ulamak juga berpandukan *ḥadīth* riwayat Abū 'Ubayd, al-Tarmidzi dan al-Daruqutni yang bermaksud:

> *`Bahawa Rasul Allah (s.'a.w) telah menghantar 'Umar untuk mengutip zakat. 'Umar telah pergi menemui al-'Abbās untuk mengambil* ***zakat*** *hartanya, kata al-'Abbās: `Saya telah membayarnya kepada Rasul Allah (s.'a.w) dua tahun ke depan. Apabila 'Umar melaporkan kepada Rasul Allah (s.'a.w), baginda membenarkannya (bahawa* ***zakat*** *al-'Abbās telah diambil dua tahun ke depan)'.*[189]

Menurut al-Qaraḍāwi, diketahui umum bahawa al-ᶜAbbās adalah seorang peniaga, dia tidak memiliki binatang ternakan dan tanaman.[190] Ini menunjukkan Rasul Allah (s.ᶜa.w) sendiri memungut zakat harta *bāṭin* daripada al-ᶜAbbās. Sebenarnya, banyak lagi *ḥadīth* lain yang membincangkan berkaitan persoalan ini.

Jika dirujuk persoalan ini di dalam pentadbiran zakat di negara kita, soal pengasingan hak harta *ẓāhir* dan *bāṭin* tidak timbul memandangkan jumlah kutipan wang zakat di negeri-negeri (*Bayt al-Māl* di bawah kuasa negeri) tidaklah sebanyak zaman khalifah ᶜUthmān bin al-ᶜAffān.

Begitu juga, menyerahkan urusan zakat harta *bāṭin* kepada pembayar tidak praktikal kerana akidah dan kesedaran agama di awal Islam jauh lebih tinggi berbanding masyarakat Islam di negara ini sekarang. Oleh itu, secara praktikalnya sukar mendapat jaminan tentang pelaksanaan zakat di kalangan masyarakat tanpa campurtangan kerajaan. Lagipun undang-undang pengisytiharan harta dan laporan kewangan yang dikenakan oleh pihak kerajaan boleh menyelesaikan persoalan harta *ẓāhir* dan *bāṭin*.

2.3 CIRI-CIRI PROFESIONAL DI DALAM PENGURUSAN ZAKAT

Mengeluarkan zakat merupakan tanggungjawab dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada setiap Muslim yang memiliki kekayaan kerana harta adalah amanah dan rezeki kurniaanNya. Allah (s.w.t) mengingatkan melalui firmaNya yang bermaksud:

> *'Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan berbelanjalah (pada jalan kebajikan) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah), mereka tetap beroleh pahala yang besar'.*
>
> ***(Al-Hadid: 7)***

Pemerintah pula memikul amanah menguruskan pentadbiran institusi zakat dengan sebaik mungkin agar konsep penyucian jiwa dan pembersihan harta serta melepaskan belenggu kemiskinan di kalangan golongan daif dapat direalisasikan.

Al-Mawardi berpendapat kerajaan Islam berkuasa penuh melaksanakan kutipan zakat harta sebagaimana dinaskan oleh wahyu dan *ijtihad*.

Pertembungan tugas dan amanah antara pemerintah dan kalangan pemilik harta menghasilkan sistem pengurusan zakat. Dalam melaksanakan kewajipan mengutip dan mengagihkan zakat, pemerintah hendaklah menubuhkan badan khas bagi merangka kerja dan tindakan secara teratur. Jangan semata-mata menyerahkan kepada kesedaran di pihak pembayar tanpa menafikan bahawa kesedaran beragama yang tinggi sangat penting tetapi penguatkuasaan undang-undang masih diperlukan.

Sejarah mencatatkan pengurusan institusi zakat di awal Islam berada di kemuncaknya apabila berjaya melahirkan masyarakat yang seimbang rohani dan jasmani. Pengurusan dan pentadbiran institusi zakat ketika itu dilakukan secara profesional dan cekap. Antara ciri-ciri yang menonjol misalnya:

2.3.1 *TAZKIYYAH*

Zakat merupakan satu kaedah Syarak untuk menyucikan (*tazkiyyah*) diri dan membersihkan harta sepertimana yang dikehendaki oleh Allah (s.w.t) menerusi firmanNya yang bermaksud:

*`Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (**zakat**) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah), Allah amat mendengar lagi amat mengetahui'.*

(Al-Tawbah: 103)

Menurut Ibn Kathir kekayaan yang dimiliki oleh seseorang adalah hasil kitaran harta yang berpusing di dalam masyarakat, sudah tentu bercampur antara sumber yang halal (baik) dan haram (buruk). Oleh itu hendaklah dibersihkan supaya dapat menyucikan jiwa pemiliknya. [191]

Wahbah al-Zuhayli berkata, pelaksanaan zakat berupaya menghindarkan sifat-sifat *mazmūmah* seperti bakhil, kedekut, tamak dan haloba. Sebaliknya mampu memenuhi keperluan golongan fakir miskin yang sekaligus mengikis sikap dan pandangan buruk mereka terhadap orang-orang kaya.[192]

Dari aspek etika, menurut al-Dahlawi pelaksanaan zakat melahirkan manifestasi akhlak yang tinggi di antara pembayar dan penerima.[193] Abū Hurayrah meriwayatkan bahawa Rasul Allah (s.ᶜa.w) bersabda yang bermaksud:

`Apabila kamu (amil) mengambil **zakat** daripada seseorang jangan lupakan katakan kebaikan dengan berdoa untuk mereka: `Ya Allah, luaskanlah rezekinya (kaya) dan jangan engkau persempitkannya'. [194]

Dengan jaminan kebersihan hati dan ketenangan jiwa, pengurusan institusi zakat dapat dijalankan dengan lancar. Pemerintah berusaha menjalankan amanah agama sedaya mungkin manakala pemilik harta bertekad untuk membersihkan jiwa dan hartanya daripada dosa dan noda.

Reaksi dan tindakan bersepadu ini terbukti berjaya menyerlahkan pengurusan institusi zakat di zaman awal Islam. Oleh itu penyebaran dan kefahaman unsur-unsur *tazkiyyah* amat penting dalam menjayakan seluruh perintah agama termasuk pengendalian zakat.

2.3.2 INOVATIF

Pengurusan zakat merupakan sebuah institusi yang berkembang selaras dengan kesemasaan waktu dan tempat. Oleh itu, ia tidak harus terikat secara *harfiyyah* dengan apa yang berlaku semasa hayat Rasul Allah (s.ᶜa.w). Sebaliknya

hendaklah berkembang dan diperkembangkan mengikut isu dan keperluan semasa.

Konsep *maṣlahah* sentiasa menjadi tunjang di dalam pelaksanaan sistem zakat di zaman para sahabat dan *tabi*ᶜ*īn*. Ia dibuktikan melalui perkembangan sumber zakat dari semasa ke semasa.

Di zaman Rasul Allah (s.ᶜa.w), harta yang dikenakan zakat terhad kepada sepuluh jenis sahaja iaitu emas, perak (*al-*ᶜ*Ayn*), kambing, lembu, unta (al-*Masyiyyah*), gandum, anggur, barli, jagung dan tamar (al-*Ḥarth*).[195] Kemudian berkembang di zaman sahabat, *tabi*ᶜ*īn* dan khalifah-khalifah selepasnya berdasarkan konsep *ijtihād* yang mengambilkira perkembangan dan keperluan semasa. Antaranya kuda, sayuran, buah zaitun, madu, intan, mutiara, berlian dan ikan.

Rasul Allah (s.ᶜa.w) telah memulakan lapangan *ijtihād* sebagai membuka medan kepada para sahabat misalnya ketika mengambil tebusan daripada tawanan Perang Badar. Oleh kerana hukum perkara berkenaan belum diperundangkan ketika itu, baginda telah ber*ijtihād* untuk membebaskan tawanan dan mengambil tebusan. Nabi (s.ᶜa.w) meminta pandangan Abū Bakr dan ᶜUmar serta sahabat-

sahabat lain.[196] Bagaimanapun, *ijtihād* baginda telahpun ditegur oleh Allah (s.w.t) melalui firmanNya yang bermaksud:

> *'Tidaklah patut bagi seorang Nabi mempunyai orang-orang tawanan sebelum ia dapat membunuh sebanyak-banyaknya di muka bumi, kamu menghendaki harta benda dunia (yang tidak kekal), sedangkan Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. Dan (ingatlah), Allah Maha berkuasa dan Maha Bijaksana'.*
>
> ***(AnAnfal: 67)***

Rasul Allah (s.ᶜa.w) pernah memuji Muᶜādh ibn Jabal, pegawainya yang dihantar ke negeri Yaman lantaran berani untuk berijtihād menggunakan akal fikiran jika berdepan dengan masalah yang tidak dinaskan dengan jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Khalifah ᶜUmar bin al-Khattāb pernah menarik balik peruntukan zakat kepada *muᶜallaf (muᶜallafatu Qulūbuhum)* berdasarkan pengamatannya bahawa tujuan asal peruntukan untuk menjinakkan mereka kepada Islam tidak wujud lagi setelah Islam menjadi kuat dan mempunyai negara yang besar. [197]

Isu zakat kuda dan madu yang seringkali berubah menggambarkan betapa kreatif dan inovatif pengurusan zakat di awal Islam. ᶜUmar bin al-Khattāb

mengenakan zakat ke atas ternakan kuda kerana ketika itu kuda di*komersial*kan berbanding di zaman Rasul Allah (s.ᶜa.w), kegunaannya untuk kerja-kerja pertanian dan tunggangan. Polisi ini diteruskan oleh ᶜUthmān bin al-ᶜAffān. ᶜAli bin Abī Ṭālib dan ᶜUmar bin ᶜAbd al-ᶜAzīz bagaimanapun tidak mengenakan zakat ke atas kuda. Perubahan hukum zakat berlaku berdasarkan perubahan kegunaan dan fungsi kuda.

2.3.3 TEGAS

Ketegasan bertindak merupakan antara ciri terpenting di dalam jentera pentadbiran. Ini terbukti melalui pengurusan institusi zakat di awal Islam apabila khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq bertindak memerangi golongan yang enggan membayar zakat kepada pemerintah seawal pemerintahannya.

ᶜUmar al-Khaṭṭāb yang asalnya tidak menyetujui tindakan Abū Bakr itu, kemudian telah memberikan sokongan padu kepada *ijtihād* khalifah setelah menelitinya malah menyifatkan itulah tindakan yang tepat dan berwawasan tinggi.[198]

Apabila dikaji secara menyeluruh terbukti tindakan bijak Abū Bakr berjaya menjamin *survival* institusi zakat dalam jangka panjang. Ia selaras dengan pendapat Ibn Masᶜūd bahawa mereka yang mengingkari zakat adalah *murtad*.[199]

Allah (s.w.t) juga bersikap tegas terhadap golongan yang menyembunyikan harta dan tidak mahu membayar zakat, sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

> *'Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab siksa yang tidak terperi sakitnya'.*
>
> ***(Al-Tawbah: 34)***

ᶜUthmān bin al-ᶜAffān sentiasa bersikap tegas ketika berdepan dengan aduan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai dan amil-amilnya.

Begitu juga ketegasan ᶜAli bin Abī Ṭālib di dalam ucapan sulungnya setelah menjawat jawatan khalifah. Malah beliau pernah menolak permintaan saudaranya ᶜUqayl untuk mendapatkan peruntukan yang lebih daripada *Bayt al-Māl*.

Ketegasan dalam tindakan dan operasi merupakan unsur penting dalam melahirkan sistem pentadbiran yang telus. Menurut al-Māwardi dalam pengurusan zakat, *wilāyah al-ḥisbah* berperanan mengawasi pegawai dan amil-amil yang dilantik daripada sebarang penyelewengan. Jika berlaku penyelewengan, segera dibawa ke muka pengadilan.[200] *Mahkamah al-Maẓālim* pula berperanan untuk mengadili tuduhan penyelewengan di kalangan kakitangan mahkamah.[201]

Untuk itu, semua dokumen, laporan dan peraturan rasmi yang dikeluarkan oleh pegawai dan kakitangan *Bayt al-Māl*, pada dasarnya sah diterima sebagai bukti keterangan dalam satu-satu tindakan mahkamah.

2.3.4 KONSISTEN (*ISTIQAMAH*)

Gerak kerja berjadual yang terancang, tersusun dan konsisten merupakan tunjang dalam urusan pentadbiran. Inilah antara kunci kejayaan pengurusan zakat di awal Islam.

Kejernihan jiwa yang sentiasa mengharapkan keredaan, keberkatan dan pengampunan dari Allah s.w.t melahirkan insan tekun yang berdaya saing dalam

menyempurnakan amanah. Ini dapat difahami melalui intisari firmanNya yang bermaksud:

> *'Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: 'Tuhan kami adalah Allah, kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah Malaikat kepada mereka dari masa ke semasa (dengan membawa ilham): 'Janganlah kamu ḥimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) serta janganlah kamu berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh Syurga yang telah dijanjikan kepada kamu'.*
>
> ***(Al-Fussilat: 30)***

Menurut Ibn ᶜAbbās, ayat ini menuntut setiap Muslim mengikhlaskan dirinya beriman kepada Allah (s.w.t) dengan melaksanakan semua kefarduan.[202] Anas bin Malik meriwayatkan sebuah *ḥadīth* bahawa ketika membaca ayat al-Quran ini, Rasul Allah (s.ᶜa.w) memperingatkan supaya memelihara iman secara berterusan (konsisten) dan tidak membiarkannya dirosakkan oleh unsur-unsur *syirik*.[203] Ikhlas menjadi unsur penting bagi melahirkan gerak kerja yang berterusan.

Perkembangan budaya *ijtihād* khususnya berkaitan sumber kemasukan zakat dan polisi pentadbiran membuktikan bahawa pengurusan dijalankan secara

terancang dan konsisten. Ibn Hajar mencatatkan bahawa Rasul Allah (s.ᶜa.w) menghantar pegawai dan penguasa untuk mengutip zakat di seluruh wilayah Islam.[204] Malahan baginda juga melantik amil-amil bagi setiap kabilah yang memeluk Islam. Langkah ini diteruskan oleh khalifah-khalifah berikutnya.

ᶜUmar bin al-Khaṭṭāb begitu gigih dan tekun menjalankan tugasnya. Beliau dicatatkan pernah memikul seguni gandum daripada *Bayt al-Māl* untuk membantu sebuah keluarga miskin yang dalam kelaparan, malahan khalifah ᶜUmar selalu berjalan malam untuk meninjau sendiri kehidupan rakyat.[205]

2.3.5 BERSTRUKTUR

Pelaksanaan zakat memberikan kebaikan kepada pengeluar dan penerimanya. Di mana kebaikan yang berasaskan saling memenuhi keperluan antara satu sama lain ini menjadi tunjang bagi melahirkan sebuah masyarakat yang harmonis.

Bagaimanapun kebaikan ini tidak mungkin wujud tanpa mekanisme pengurusan yang tersusun dan teratur. Terbukti di zaman awal Islam, pengurusan institusi zakat diuruskan dengan cekap, terancang dan teratur di mana satu badan

khas (*diwān*) ditubuhkan untuk mengatur kerja-kerja mengutip dan mengagihkan zakat.

Rasul Allah (s.ᶜa.w) dan khalifah-khalifah di kalangan sahabat dan *tabiᶜin* amat memberikan perhatian tentang urusan pentadbiran institusi zakat. Prinsip-prinsip pengasingan kuasa, agihan tugas, rekod dan penguatkuasaan menjadi asas penting dalam pengurusan zakat.

Teori pengasingan kuasa dan pembahagian tugas telah dilaksanakan oleh Rasul Allah (s.ᶜa.w) apabila baginda mengamanahkan Bilāl bin Rabah untuk menjaga dan mengagihkan harta zakat manakala al-Zubair bin al-ᶜAwwām dan al-Jahm bin al-Sult sebagai pendaftar dan juruaudit. ᶜUttab bin Usayd pula dilantik sebagai pengurus zakat di Kota Makkah.

Semasa menerajui negara, khalifah Abu Bakr melantik Abū ᶜUbaydah bin al-Jarrah sebagai pemegang amanah negara yang mengepalai urusan perbendaharaan yang dikenali sebagai *al-Amīn al-Ummah*. Zayd bin Thābit pula dilantik sebagai Setiausaha Negara (*Kātib*).

ᶜUmar bin al-Khattāb pula bertanggungjawab menubuhkan *Diwān al-Kharāj* bagi mengawasi dan mengemaskinikan urusan *Bayt al-Māl* seperti rekod

keluar masuk wang, gaji pekerja, pengagihan harta zakat dan sebagainya. Sistem ini kemudiannya diperkembangkan ke seluruh wilayah Islam. Untuk mempertahankan imej kerajaan, beliau mewajibkan semua pegawai dan amil yang dilantik mengisytiharkan harta di bawah kawalan sistem *al-hisbah.*

Semasa pemerintahan ᶜUthmān bin al-ᶜAffān kutipan zakat dihadkan kepada harta *zāhir* sahaja kerana ketika itu dana *Bayt al-Mal* terlalu banyak. Urusan zakat harta *bāṭin* diserahkan kepada pemiliknya sebagai wakil pemerintah.

Urusan secara berstruktur ini diteruskan oleh khalifah-khalifah seterusnya. Di dalam era pemerintahan *Umayyah* misalnya terkenal dengan kecekapan pengurusan khalifah ᶜUmar bin ᶜAbd al-ᶜAziz manakala Harūn al-Rasyīd menjadi idola kerajaan *ᶜAbbāsiyyah.*

NOTA HUJUNG:

[1] Ahmad ᶜAtiyat Allāh (1970). *Al-Qāmūs al-Islāmī*. Jld. 3. Mesir : al-Nahḍah, hal. 670.

[2] Al-Sanᶜānī (t.t). *Subul al-Salām*. Juz. 2. Beirut : Dār al-Jail, hal. 589.

[3] Al-ᶜAynī (1972). *ᶜUmdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīh al-Bukhārī*. Juz.7. Mesir : Mustafā al-Halabī, hal. 152.

[4] Lihat *al-Baqarah*: 196,263, *al-Nisā'*: 114, *al-Tawbah*: 103, *al-Mujādilah*: 12.

[5] Lihat *al-Baqarah*: 264, 271, 276, *al-Tawbah*: 58, 60, 79, 104, *al-Mujādilah*: 13.

[6] Lihat *al-Baqarah*: 280, *al-Nisā'*: 92, *al-Mā'idah*: 45, *al-Tawbah*: 75, *al-Munāfiqūn*: 10.

[7] Lihat *al-Anᶜām*: 141, *al-Isrā'*: 26, *al-Rum*: 38, *al-Zāriyat*: 19, *al-Maᶜārij*: 24-25.

[8] Lihat *al-Anᶜām*: 136, *al-Nahl*: 56.

[9] Lihat *al-Baqarah*: 110, 184, 215, 272, 273, *al-Alī-Imrān*: 114, *al-Nisā'*: 127, *al-Mā'idah*: 48, *al-Haj*: 77, *al-Nūr*: 61, *al-Taghābun*: 16.

[10] Lihat *al-Baqarah*: 195, 254, 267, *al-Munāfiqūn*: 10.

[11] Lihat *al-Baqarah*: 245, *al-Hadid*: 18, *al-Taghābun*: 17..

[12] Lihat *al-Baqarah*: 268.

[13] Lihat *al-Baqarah*: 219.

[14] Muhammad Khudri Bek (1965), *Tārikh al-Tashrīᶜ al-Islāmī*. Mesir : al-Tujjāriyyah al-Kubrā, hal. 19.

[15] Lihat *al-Baqarah*: 43, 83, 110, 177, 277, *al-Nisā'*: 77, 162, *al-Mā'idah:* 12, 55, *al-Aᶜrāf*: 156, *al-Anfāl*: 5, 11, 18, 71.

[16] Al-Qaraḍāwi (1985). *Fiqh al-Zakāt*. Juz. 1. Beirut : Muassasah al-Risalah, hal. 60.

[17] *Ibid.* hal. 60-61.

[18] *Ibid.*, hal. 45-51.

[19] Lihat *al-Anbiyat*: 73.

[20] Lihat *Maryam*: 54.

[21] Lihat *Maryam*: 31.

[22] Al-Qaraḍāwi (1985). *Op.cit.*, hal. 53.

[23] Lihat juga *al-Qalām*: 24 dan *al-Haqqah*: 34.

[24] Al-Qaraḍāwi (1985). *Op.cit.*, hal. 57.

[25] Lihat *al-Rūm*: 38-39.

[26] Al-Qaraḍāwi (1985). *Op.cit,* hal. 58-59.

[27] *Ibid.*, hal. 62.

[28] Al-Syarqāwi (1955).*Fath al-Mubdi'. Juz. 2.* Mesir : ᶜĪsā al-Halabī, hal. 57.

[29] Ibn. Majah (1975). *Sunan.* Jld. 1. Kaherah : Dār Ihyā' al-Turāth al-ᶜArabī, hal. 27.

[30] Lihat juga surah yang sama ayat 18, 34, 35, 58, 59, 60, 67, 71 dan 103.

[31] Lihat misalnya *al-Mā'idah*: 50, 55, 56, *al-Aᶜrāf*: 156, *al-Tawbah*: 18, 34, 35, 58, 59, 60, 67, 71, 103, *al-Nahl*: 44, *al-Haj*: 40,41.

[32] Al-Syawkāni (1971). *Nayl al-Awṭār*. Juz. 3. Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-ᶜArabī, hal. 130.

[33] *Ibid.* hal 134.

[34] Al-ᶜAsqalāni (1979). *Talhis al-Habīr*. Juz. 2.. Mesir : al-Azhāriyyah, hal. 261.

[35] Mahyu al-Dīn Mastū. (1971). *Al-Zakāt Wa ᶜIlāju Muskilatu al-Faqri fi al-Islām.* Beirut : Dar al-Qadr, hal. 152-153.

[36] Al-Syawkāni (1971). *Op.cit*, hal. 130.

[37] ᶜAbd. Allāh Ibrāhīm (1977). *Jibāyat al-Zakat Wa Haqqu al-Daulah fīha.* Jld. 3. Mesir : t.p, hal. 150.

[38] Ibn. Hisyām (1978). *Al-Sirāh al-Nabawiyyah.* Kaherah : Dār al-Taufīqiyyah, hal. 325.

[39] *Ibid.*, hal. 115.

[40] *Ibid.*, hal. 145.

[41] Lihat *al-Mā̄idah*: 54, *al-Tawbah*: 100, al-Nūr: 55, juga tafsiran ayat ini di dalam al-Qurtubi (1950). *Al-Jāmiᶜ Li Ahkām al-Qurān*; Kaherah : Dār al-Kutub al-Misriyyah,. Jld. 6, hal. 235 dan 239 dan Jld. 11, hal. 7.

[42] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979). *Tārikh al-Islām.* Cet. 9. Kaherah : Maktabah al-Nahḍah al-Misriyyah, hal. 205-277.

[43] *Ibid.*, hal. 205.

[44] *Ibid.*

[45] Ibn. Hisyām (1978). *Op.cit.*, hal. 335-339.

[46] Hassan Ibrahim Hassan (1979). *Op.cit.*, hal. 206-208.

[47] Ahmad Syalabi (1978). *Mawsuᶜat al-Tārikh al-Islamī Wa Hadarat al-Islāmiyyah.* Cet. 13. Kaherah : Maktabah al-Nahḍah al-Misriyyah, hal. 382.

[48] Al-Syawkāni (1971). *Op.cit*, hal. 135.

[49] Al-Balaḍuri (1963). *Futūh al-Buldān.* Kaherah : Dār al-Kutub al-ᶜIlmiyyah, hal. 97-98 juga Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979). *Op.cit.* hal. 355 –362.

[50] Lihat *al-Hujurat*: 14, juga Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979). *Ibid.*

[51] Al-Syawkāni. (1971). *Op.cit.* hal. 134-135

[52] Abū ᶜUbayd (1981). *Al-Amwāl.* Beirut : Muassasah Nasr Li al-Thaqāfah, hal. 354.

[53] Mālik bin Anas (t.t) *Muwatta'.* Muhammad Fuᶜad ᶜAbd. Al-Bāqi (ed). T.t.p : Kitab al-Syaᶜab, hal. 145.

[54] *Ibid.*

[55] Al-Ṣanᶜāni (1983) *Al-Muṣannaf.* Ḥabīb al-Rahmān al-Aᶜẓāmi (ed), Edisi 2. Jld.4. Beirut : Al-Maktab al-Islāmi, hal. 75-78.

[56] Mahyu al-Dīn Mastū. (1971); *Op.cit,* hal. 169.

[57] Al-Ṭabari (1990). *Tārīkh al-Rusl Wa Mulk..*Muhammad Abū al-Fadl Ibrāhīm (ed), Jld. 3. Kaherah : Dār al-Maᶜārif, 3, hal. 426.

[58] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit.*, hal. 210.

[59] *Ibid.*

[60] Al-Ṭabari (1990). *Op.cit,*. Jld. 5, hal. 195.

[61] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit.*, hal. 211.

[62] Al-Ṭabari (1990). *Op.cit,*. Jld. 5, hal. 195.

[63] Mahyu al-Dīn Mastū. (1971). *Op.cit*, hal. 172.

[64] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit.*, hal. 455-458.

[65] *Ibid.*

[66] *Ibid.* hal. 458.

[67] Sulaimān Muhamad al-Ṭamawi (1969). *ᶜUmar Ibn. al-Khaṭṭāb.* Beirut : Dār al-Fikr al-ᶜArabī, hal. 287.

[68] Al-Mawardi (1966). *Kitāb al-Ahkām al-Sulṭāniyyah*. Beirut : Dār al-Fikr, hal. 240 – 249

[69] Al-Ṭabari (1990). *Op.cit*,. Jld. 4, hal. 209.

[70] *Ibid*.. Jld. 3, hal. 613.

[71] Abū ᶜUbayd (1981). *Op.cit*., hal. 238.

[72] Mālik bin Anas (t.t), *Op.cit*. hal. 149.

[73] *Ibid*.. hal. 206.

[74] Ibn Abī Syaybah (1989). *Al-Kitāb al-Muṣannaf al-Aḥādith Wa al-Āthār*. Jld.2. Beirut : Dār al-Taj, hal. 380-381.

[75] Abū ᶜUbayd (1981). *Op.cit*., hal. 468.

[76] *Ibid*.. hal. 200.

[77] Abū Yūsuf (t.t). *Kitāb al-Kharāj*. Beirut : Dār al-Maᶜrifah, hal. 76.

[78] *Ibid*.. hal. 71.

[79] Al-Ṣanᶜānī (1983). *Op.cit*., hal. 19.

[80] Abū ᶜUbayd (1981). *Op.cit*., hal. 226.

[81] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit*., hal. 255.

[82] *Ibid*.. hal. 256.

[83] *Ibid*.

[84] Ibn. Hisyām (1978). *Op.cit*., hal. 115.

[85] Al-Ṭabari (1990). *Op.cit*,. Jld. 4, hal. 251/ 267.

[86] Al-Qaraḍāwi (1985). *Op.cit*., hal. 767-768.

[87] *Ibid.*. hal. 769.

[88] *Ibid.*

[89] *Ibid.*

[90] Al-Ṭabari (1990). *Op.cit*,. Jld. 4, hal. 245.

[91] Al-Ṣanᶜāni (1983). *Op.cit*., Jld. 4, hal. 120.

[92] Mālik bin Anas (t.t), *Op.cit*. hal. 144.

[93] Al-Ṣanᶜāni (1983). *Op.cit*., Jld. 4, hal. 93.

[94] *Ibid*. hal. 120.

[95] Mālik bin Anas (t.t), *Op.cit*. hal. 168.

[96] Abū ᶜUbayd (1981). *Op.cit*., hal. 406.

[97] Al-Ṭabari (1990). *Op.cit*,. Jld. 4, hal. 244-245.

[98] *Ibid.*

[99] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit*., hal. 371.

[100] *Ibid.*

[101] *Ibid*., hal. 271.

[102] Al-Ṭabari (1990). *Op.cit*,. Jld. 4, hal. 436.

[103] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit*., hal. 279.

[104] Al-Ṣanᶜāni (1983). *Op.cit*, Jld. 4, hal. 19-20.

[105] *Ibid*., hal. 20-21.

[106] *Ibid*., hal. 39.

[107] *Ibid.*, hal. 34.

[108] ᶜAbd. Allāh Ibrāhīm (1977). *Op.cit.*, hal. 191.

[109] Al-Ṭabari (1990). *Op.cit*,. Jld. 4, hal. 541.

[110] *Ibid.*

[111] *Ibid.* Jld. 2, hal 462,. Jld. 3, hal. 459.

[112] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit.*, hal. 277.

[113] *Ibid.*

[114] *Ibid.*

[115] Abū ᶜUbayd (1981). *Op.cit.*, hal. 227.

[116] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit.*, hal. 279.

[117] Al-Syahrastāni (1948). *Al-Milāl Wa al-Nihāl.* Muhammad Sayd Kaylani (ed),. Jld. 1 Kaherah : Maktabah al-Azhār, hal. 207.

[118] Al-Ṣanᶜāni (1983). *Op.cit.*, Jld. 4, hal. 316.

[119] *Ibid.* hal. 312.

[120] Mālik bin Anas (t.t), *Op.cit.* hal. 168.

[121] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit.*, hal. 331.

[122] *Ibid.* hal. 331-335.

[123] Al-Qaradāwi (1985). *Op.cit.*, hal. 768.

[124] Mālik bin Anas (t.t), *Op.cit.* hal. 223.

[125] Al-Ṣanᶜāni (1983). *Op.cit.*, Jld. 4, hal. 78.

[126] *Ibid.*

[127] ᶜAbd. Allāh Ibrāhīm (1977). *Op.cit.*, hal. 200.

[128] Al-Ṣanᶜānī (1983). *Op.cit.*, Jld. 4, hal. 103.

[129] Abū ᶜUbayd (1981). *Op.cit.*, hal. 142-143.

[130] Al-Ṣanᶜānī (1983). *Op.cit.*, Jld. 4, hal. 60-61.

[131] Abū ᶜUbayd (1981). *Op.cit.*, hal. 200.

[132] *Ibid.* hal. 187-188.

[133] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit.*, hal. 334-337.

[134] Muhammad Qutb (1964). *Al-Islām.* Kuwait : Dār al-Bayān, hal. 168.

[135] Ahmad Syalabi (1966). *Al-Tārīkh al-Islāmi.* Edisi 2. Kaherah : Maktabah al-Nahḍah al-Misriyyah, hal. 84.

[136] Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan (1979).; *Op.cit.*, hal. 337.

[137] Lihat misalnya *al-Anfāl* : 60 dan *al-Saf* : 4.

[138] Al-Māwardi (1966). *Op. cit*, hal. 209-210.

[139] Ahmad Ali (1953). *Al-Tanzimat al-Ijtimāᶜiyyat Wa Iqtiṣādiyyat Fi al-Basrah.* Baghdad : t.p. hal. 250-252.

[140] *Ibid.*

[141] Al-Māwardi (1966). *Op. cit*, hal. 209.

[142] Ibid., hal. 203-209.

[143] Berdasarkan pujian Rasul Allah kepada Muᶜādh ibn Jabal yang mengaku akan berijtihad mengeluarkan hukum pada masalah yang tidak dinaskan dengan jelas oleh al-Quran dan al-Hadith ketika beliau diutuskan ke negeri Yaman.

[144] Al-Māwardi (1966). *Op. cit*, hal. 210.

[145] Ahmad Ali (1953). *Op.cit.*, hal. 252-255.

[146] *Ibid.*

[147] *Ibid.* hal. 255-259.

[148] Ahmad Syalabi (1966). *Op.cit.*, hal. 84.

[149] Al-Māwardi (1966). *Op. cit.*, hal. 215-218.

[150] *Ibid.* hal. 216.

[151] *Ibid.*

[152] *Ibid.* hal. 217-218.

[153] *Ibid.* hal. 218.

[154] Al-Qaraḍāwi (1985). *Op.cit.*, hal. 747-754.

[155] Iaitu golongan fakir dan miskin, amil-amil yang menguruskannya dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya.

[156] Al-Rāzi (1938). *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Juz. 16. Mesir : al-Bahiyah, hal. 112.

[157] Al-Qaraḍāwi (1985). *Op.cit.*, hal. 579 dan 747.

[158] Wahbah al-Zuhayli (1989). *Al-Fiqh al-Islāmi Wa Adillatuhu.* Juz. 2. Damsyik: Dar al-Fikr, hal. 888.

[159] *Ibid.*, hal. 870.

[160] Al-Māwardi (1966). *Op. cit.*, hal. 123.

[161] Al-Rāzi (1938). *Op.cit.*, hal. 114.

[162] Ibn. Kathīr (1997). *Tafsīr al-Qurān al-ᶜAzīm*. Juz. 2. Beirut : Dār Ihyā' al-Turath al-ᶜArabī, hal. 332-333.

[163] Al-Qaradāwi (1985). *Op.cit*., hal. 748.

[164] Al-Syawkāni. (1971). *Op.cit*. hal. 134-136.

[165] *Ibid.*, hal. 138-140., al-Sanᶜāni (t.t.). *Op.cit*., Jld. 2, hal. 199-200.

[166] *Ibid.*.

[167] *Ibid.*, hal. 130-131,. Al-ᶜAsqalāni (1959). *Fath al-Bāri*. Jld. 3. Kaherah : Matbaᶜah al-Salafiyah, hal. 23.

[168] Al-Qaradāwi (1985). *Op.cit*., hal. 749-752.

[169] Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1950). *Zād al-Maᶜād*; Jld. 2. Mesir : Mustafā al-Bābi al-Halabi, hal. 472.

[170] Al-Qaradāwi (1985). *Op.cit*., hal. 752.

[171] Al-Nawāwi (1972). *Al-Majmūᶜ Syarh al-Muhadhab*. Jld. 6. Kaherah: Dār al-ᶜUlūm, hal. 167.

[172] *Ibid.,* hal. 162-164.

[173] *Ibid.*

[174] *Ibid.*

[175] *Ibid.*

[176] Al-Qaradāwi (1985). *Op.cit*., hal. 756-757.

[177] Al-Qaradāwi (1985). *Op.cit*., hal. 767.

[178] *Ibid.*

[179] *Ibid.* hal. 759.

[180] Al-Kasani (1327 H). *Badā'i al-Ṣanā'i*. Jld. 2. Mesir : al-Matba'ah al-'Ilmiyyah, hal. 7.

[181] Mālik bin Anas (t.t), *Op.cit*. hal. 194.

[182] Al-Ṣan'ānī (1983). *Op.cit*., Jld. 4, hal. 46.

[183] *Ibid*. hal. 44–48.

[184] *Ibid*. hal. 47.

[185] Al-Qaraḍāwi (1985). *Op.cit*., hal. 758-763.

[186] *Ibid.*

[187] Ibn. Qudāmah (1972). *Al-Mughnī*. Jld.2. Beirut : Dār al-Kitāb al- 'Arabī, hal. 641.

[188] *Ibid*..

[189] Abū 'Ubayd. *Op.cit*., hal 587.

[190] Al-Qaraḍāwi (1985). *Op.cit*., hal. 769

[191] Ibn. Kathīr (1997). *Op. cit*., hal. 332-333.

[192] Wahbah al-Zuhayli (1989). *Op.cit*., hal. 732-733.

[193] Al-Dahlawi (1995). *Hujjat Allah al-Bālighah.* Jld. 2. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 69.

[194] Al-Syawkāni. (1971). *Op.cit*. hal. 172.

[195] Al-Ṣan'āni (1983). *Op.cit*., Jld. 4, hal. 114.

[196] Ibn. Kathīr (1997). *Op. cit*., hal. 282.

[197] *Ibid.*

[198] Al-Syawkāni. (1971). *Op.cit.* hal. 134-137.

[199] Abū ᶜUbayd (1981). *Op.cit.*, hal . 354, Abū Yūsuf (t.t). *Op.cit.*, hal. 86.

[200] Al-Māwardi (1966). *Op.cit*, hal. 240 – 249.

[201] *Ibid.*

[202] Ibn. Kathīr (1997). Juz., 4., *Op. cit.*, hal. 84.

[203] *Ibid.*

[204] Al-ᶜAsqalāni (t.t). *Al-Talkhīs*. Jld. 2. Kaherah : Al-Tibāᶜah al-Fanniyyah, hal. 159-160.

[205] Ahmad Zaki Yamani (t.t). *Islamic Law And Contemporary Issues.* Takoma Park : The Gresent Publication, hal. 44.